



Hijrah Rasulullah titik perubahan penting dakwah Islam - Menteri Besar Kelantan

Sambutan HAWANA Kelantan ditambah baik dengan anugerah media

Caj RM1 ATM dimansuhkan mulai 1 Julai, YB Ahmad Fadhlil sifatkan kemenangan Rakyat

Penerbangan sulung Kota Bharu-Jakarta-Kota Bharu catat 302 penumpang

Tengku Mahkota Kelantan zahir kebimbangan gejala sosial dalam kalangan remaja

Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 17 Jun — Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Kelantan Tengku Muhammad Fakhry Petra ibni Almarhum Sultan Ismail Petra menzahirkan kebimbangan terhadap peningkatan gejala sosial yang semakin membimbangkan dalam masyarakat, khususnya melibatkan golongan remaja yang merupakan bakal pewaris kepimpinan negara pada masa hadapan.

Baginda bertitah, fenomena tersebut kini hadir dalam pelbagai bentuk dan melibatkan pelbagai lapisan masyarakat, sama ada dalam kalangan remaja mahupun golongan dewasa.

“Namun memandangkan remaja merupakan bakal pewaris kepimpinan negara, maka tidak hairanlah apabila kegiatan mereka menjadi topik yang paling hangat diperkatakan,” titah baginda.

Baginda bertitah demikian ketika menyempurnakan perasmian Sambutan Hijratul Rasul Peringkat Negeri Kelantan 1448H/2026M di Masjid Jamek Al-Sultan Ismail Petra, Kubang Kerian, malam tadi.

Baginda turut mengingatkan, bumi ini akan diwarisi oleh hamba-hamba Allah SWT yang soleh sebagaimana firman-Nya dalam Surah al-Anbiya ayat 105 yang bermaksud:

“Dan sungguh telah Kami tulis



di dalam kitab Zabur sesudah tertulis dalam Luh Mahfuz bahawa bumi ini akan diwarisi oleh hamba-hamba-Ku yang soleh.”

Baginda menjelaskan, konsep pewarisan bumi berkait rapat dengan amanah manusia sebagai khalifah untuk memakmurkan bumi, memperbaiki kehidupan serta memelihara nilai kemanusiaan daripada terjerumus ke dalam tamadun kebendaan semata-mata.

Merujuk pandangan tokoh pemikir Islam, Syed Qutb, baginda bertitah bahawa golongan yang layak mewarisi bumi ialah mereka yang menghimpunkan keimanan yang hidup dalam hati serta amal soleh yang diterjemahkan dalam kehidupan.

“Dengan itu, solihun dalam ayat ini membawa makna yang sangat kuat dari sudut urus tadbir dan

peradaban,” titah baginda.

Menurut baginda, al-Quran menggariskan konsep kesolehan secara menyeluruh yang boleh dirumuskan kepada empat elemen utama.

Elemen pertama ialah ilmu yang menjadi asas kepada pembentukan individu dan masyarakat soleh. Kesolehan tidak dapat dicapai tanpa kefahaman yang benar terhadap akidah, syariah dan tuntutan kehidupan yang digariskan oleh agama.

Elemen kedua ialah amar makruf dan nahi mungkar yang berfungsi sebagai mekanisme sosial bagi memastikan masyarakat tidak terjerumus ke dalam kerosakan dan penyelewengan.

Elemen ketiga ialah imarah, iaitu manifestasi kesolehan dalam pembangunan peradaban melalui

“Baginda turut mendoakan agar negeri Kelantan terus maju, makmur dan sentiasa berada di bawah lindungan, keberkatan serta hidayah Allah SWT,”

pemakmuran bumi, pembangunan institusi, kesejahteraan keluarga dan kemajuan masyarakat.

Sementara itu, elemen keempat ialah tazkiah al-nafs yang memastikan kesolehan tidak hanya bersifat luaran, sebaliknya berteraskan keikhlasan, ketakwaan dan usaha berterusan memperbaiki jiwa.

Sebelum mengakhiri titah, baginda menyeru masyarakat agar menjadikan semangat Hijrah sebagai pemangkin untuk memperbaharui iltizam ke arah menjadi insan yang lebih cemerlang serta menghayati keempat-empat elemen kesolehan tersebut dalam kehidupan seharian.

Baginda turut mendoakan agar negeri Kelantan terus maju, makmur dan sentiasa berada di bawah lindungan, keberkatan serta hidayah Allah SWT.



Hijrah Rasulullah titik perubahan penting dakwah Islam - Menteri Besar Kelantan

Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 17 Jun – Peristiwa penghijrahan Rasulullah SAW dari Mekah al-Mukarramah ke Madinah al-Munawwarah merupakan titik perubahan penting dalam perjalanan dakwah Islam.

Demikian menurut Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang, Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud dalam perutusan sempena Sambutan Hijratul Rasul 1448H peringkat Negeri Kelantan 1448H/2026M yang berlangsung di Masjid Jamek Al-Sultan Ismail Petra, Kubang Kerian, malam tadi.

Katanya lagi, sepanjang 13 tahun berada di Mekah, Rasulullah SAW bersama para sahabat baginda berdepan pelbagai ujian, tekanan dan penentangan daripada golongan musyrikin dengan penuh kesabaran dan ketabahan.

Mengulas lanjut beliau menegaskan, peristiwa Hijrah membuka lembaran baharu kepimpinan Islam



yang dipacu semangat jihad sehingga Islam berkembang ke seluruh dunia.

“Kegemilangan ini lahir daripada pengorbanan dan ketabahan Rasulullah SAW serta para sahabat baginda dalam menempuh pelbagai ujian.

“Demikianlah sunnatullah dalam membangunkan ummah yang menuntut hijrah dan jihad dengan penuh iman, pengorbanan dan istiqamah,” jelasnya.

Dato' Mohd Nassuruddin berharap semangat Hijrah akan terus



menjadi pemangkin kepada lahirnya ummah yang berkualiti, masyarakat yang sejahtera serta negeri yang sentiasa dinaungi keberkatan Allah SWT.

Sementara itu, Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta YB Mohd Asri Mat Daud berkata, hijrah Rasulullah SAW dari Kota Mekah ke Kota Madinah merupakan satu sejarah yang amat besar ertinya terhadap perkembangan Islam dan kekuatan umatnya.

Katanya, Kerajaan Islam Madi-

nah menjadi model masyarakat majmuk yang berbilang kabilah dan disatukan melalui kekuatan penyatuan ummah.

“Inilah hikmah Hijratul Rasul yang perlu diteladani oleh seluruh umat Islam dengan berusaha meningkatkan

kualiti dan kredibiliti melalui teras perpaduan ummah.

“Justeru, tema sambutan Hijratul Rasul peringkat negeri Kelantan tahun ini, ‘Manhaj Rabbani Ummah Berkualiti’, membawa mesej yang sangat bermakna kepada seluruh rakyat Kelantan untuk dijadikan pedoman,” ujarnya.

Beliau turut menjelaskan, program Sambutan Hijratul Rasul SAW peringkat Negeri Kelantan merupakan acara tahunan yang menjadi agenda keutamaan kerajaan negeri dan dianjurkan secara terancang sebagai tanda komitmen serta kesungguhan dalam memperingati perjuangan Rasulullah SAW.

Manhaj Rabbani Ummah Berkualiti tema Hijratul Rasul Kelantan 1448H



Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 17 Jun — Tema “Manhaj Rabbani Ummah Berkualiti” dipilih sebagai teras Sambutan Hijratul Rasul Peringkat Negeri Kelantan 1448H/2026M bagi memperkukuh pembangunan ummah yang berpaksikan wahyu, sekali gus melahirkan masyarakat berilmu, berakhlak dan sejahtera.

Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud berkata, tema tersebut amat relevan dalam mendepani cabaran semasa kerana Manhaj Rabbani merupakan pendekatan hidup yang berteraskan petunjuk Allah SWT dalam membentuk cara berfikir, bertindak dan membuat keputusan.

Menurutnya, pembangunan ummah yang berkualiti hanya dapat direalisasikan apabila kehidupan

masyarakat dipandu oleh nilai dan prinsip Islam yang bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah.

“Hakikatnya tiada jalan yang lebih tepat untuk membangunkan ummah yang berkualiti serta mewujudkan masyarakat yang sejahtera dan makmur melainkan dengan menjunjung Manhaj Rabbani dalam seluruh aspek kehidupan kita,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam perutusan Hijratul Rasul 1448H sempena Sambutan Hijratul Rasul Peringkat Negeri Kelantan 1448H/2026M di Masjid Jamek Al-Sultan Ismail Petra, Kubang Kerian, malam tadi.

Beliau menegaskan, umat Islam perlu menghayati semangat hijrah sebagai pemangkin perubahan ke arah kehidupan yang lebih baik melalui pembinaan masyarakat yang berteraskan prinsip hijrah.

Menurutnya, terdapat tiga paksi utama yang perlu dijadikan panduan dalam merealisasikan agenda tersebut, iaitu pemerkasaan pembangunan insan dan pendidikan, pengukuhan institusi keluarga serta pemerkasaan perpaduan ummah dan kemandirian sosioekonomi.

Mengulas paksi pertama, beliau

berkata Hijrah Rasulullah SAW membuktikan bahawa perubahan besar bermula dengan pembinaan insan yang berilmu, beriman dan berakhlak.

“Pendidikan berteraskan al-Quran dan al-Sunnah hendaklah terus diperkasakan bagi melahirkan generasi yang berjiwa, berintegriti dan bertakwa.

“Melalui ilmu dan tarbiah yang benar, umat Islam mampu berhijrah daripada kejahilan kepada kefahaman, daripada kelemahan kepada kekuatan,” katanya.

Bagi paksi kedua, beliau menegaskan bahawa pengukuhan institusi keluarga perlu diberi perhatian serius dalam menghadapi cabaran semasa seperti keruntuhan institusi keluarga, gejala sosial dan penyalahgunaan teknologi.

Katanya, keluarga yang kukuh merupakan asas kepada pembentukan masyarakat yang berakhlak serta mampu mendepani cabaran zaman berlandaskan nilai Islam.

“Semangat hijrah perlu diterjemahkan melalui pengukuhan institusi keluarga kerana keluarga yang sejahtera akan melahirkan masyarakat yang sejahtera,” katanya.

Menyentuh paksi ketiga, beliau

berkata antara kejayaan terbesar peristiwa hijrah ialah terbentuknya masyarakat yang bersatu padu dan berdikari melalui ikatan persaudaraan Muhajirin dan Ansar.

Menurutnya, teladan tersebut membuktikan bahawa perpaduan mampu melahirkan tamadun yang gemilang serta memperkukuh kekuatan umat.

“Oleh itu, umat Islam perlu terus berhijrah daripada perpecahan kepada kesatuan, daripada budaya bergantung kepada budaya berdikari demi membina ummah yang kuat, berdaya saing dan dihormati,” katanya.

Tambahnya, Kerajaan Negeri Kelantan akan terus komited memperkukuh ketiga-tiga paksi berkenaan menerusi pelbagai dasar dan inisiatif yang memfokuskan pembangunan insan, pengukuhan institusi keluarga, kebajikan rakyat, pembangunan belia serta pemerkasaan syiar Islam.

Jelasnya, usaha tersebut selaras dengan hasrat kerajaan negeri untuk melahirkan ummah berkualiti yang menjadikan Manhaj Rabbani sebagai panduan dalam membina masyarakat dan negeri yang sejahtera serta diberkati Allah SWT.

Sambutan HAWANA Kelantan ditambah baik dengan anugerah media

Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 13 Jun - Sambutan Hari Wartawan Nasional (HAWANA) peringkat Negeri Kelantan tahun ini ditambah baik dengan mengadakan Anugerah Media Kelantan (AMK) 2025 yang diadakan buat pertama kali bagi meraikan seluruh pengamal media di negeri itu.

Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta, YB Mohd Asri Mat Daud berkata, sambutan HAWANA akan terus ditambah baik dari semasa ke semasa termasuk aspek pelaksanaan serta pengisian program bagi penganjuran anugerah tersebut.

“Bermula pada tahun ini dan tahun-tahun yang seterusnya, akan dipastikan bahawa sambutan dan modus operandi dalam melaksanakan anugerah-anugerah ini ditambah baik dari semasa ke semasa, insya-Allah.”

Beliau berkata demikian ketika



berucap di Majlis Sambutan HAWANA Peringkat Negeri Kelantan 2026, di sebuah hotel di sini, hari ini.

Menurutnya, sebanyak sembilan kategori anugerah diperkenalkan pada tahun ini iaitu Berita Akhbar Bahasa Melayu Terbaik, Berita Akhbar Bukan Bahasa Melayu Terbaik, Berita TV Terbaik, Laporan Khas TV Terbaik, Berita Laporan Khas Akhbar Bahasa Melayu Terbaik, Gambar Berita Terbaik, Penyampai Radio Kerajaan Terbaik, Penyampai Radio Swasta

Terbaik dan Visual TV Terbaik.

Katanya, semua kategori yang dipertandingkan bertujuan mengasah bakat serta memperkasa pengalaman sedia ada dalam kalangan pengamal media agar terus meningkatkan mutu karya mereka dari tahun ke tahun.

Tambah YB Mohd Asri, selepas HAWANA diwartakan untuk disambut pada 29 Mei setiap tahun bermula 2022, Kerajaan Negeri Kelantan mula mengadakan sambutan peringkat negeri pada 2024 dengan mengadakan perlawanan



boling mahabbah di antara pimpinan kerajaan negeri, kakitangan Urus Setia Penerangan dan Komunikasi Negeri Kelantan (UPKN) dengan pengamal media.

Menurutnya, sambutan tahun lalu pula diadakan di Bangsar, Kuala Lumpur dengan pelbagai pengisian termasuk pertandingan bola piket (pickleball) pada sebelah pagi sebelum diteruskan dengan penyampaian sumbangan kebajikan kepada veteran media dan bekas pengamal media pada sebelah malam.

INC buka ruang kerjasama pendidikan, integrasi sosial dan keamanan Kelantan-Selatan Thailand



Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 15 Jun — Kunjungan hormat Dewan Jaring Intelktual Provinsi Perbatasan Selatan (INC) ke Kelantan membuka ruang baharu kepada pertukaran pandangan dan kerjasama strategik dalam bidang pendidikan, integrasi sosial serta pembangunan keamanan antara Kelantan dan wilayah selatan Thailand.

Menteri Besar Kelantan, YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud berkata, pertemuan tersebut menjadi platform penting untuk berkongsi pen-

galaman dan amalan terbaik dalam pelbagai aspek pembangunan masyarakat yang memberi manfaat kepada kedua-dua wilayah.

Menurut beliau, INC merupakan sebuah badan bukan kerajaan yang menghimpunkan rangkaian cendekiawan dan tokoh masyarakat di wilayah selatan Thailand dengan fokus memperkukuh keamanan, pembangunan komuniti serta integrasi sosial melalui pendidikan dan pemikiran strategik.

“Kerajaan Negeri menyambut baik usaha yang digerakkan oleh INC dalam membina masyarakat yang sejahtera dan harmoni mel-

alui pendekatan ilmu, pendidikan serta jaringan kerjasama yang berkesan.

“Pertemuan ini bukan sahaja mengeratkan hubungan persahabatan yang telah lama terjalin, malah membuka ruang kepada kerjasama yang lebih luas demi manfaat bersama,” katanya menerusi hantaran di laman sosial rasmi beliau, hari ini.

Terdahulu, beliau menerima kunjungan hormat INC yang diketuai oleh Usman Awae bersama rombongan di Kota Darulnaim.

Menurut Menteri Besar, kedudukan Kelantan yang berse-



mpadan dengan wilayah selatan Thailand memberi kelebihan strategik kepada kedua-dua pihak untuk memperkukuh hubungan rentas sempadan dalam pelbagai bidang termasuk pendidikan, pembangunan sosial dan kesejahteraan masyarakat.

Beliau berkata, kerjasama erat antara institusi masyarakat, golongan intelektual dan pemimpin komuniti mampu menyumbang kepada pembangunan modal insan, pengukuhan perpaduan serta kestabilan sosial yang berterusan di rantau berkenaan.

Tambahnya, hubungan yang terjalin melalui platform intelektual dan pendidikan berupaya menjadi pemangkin kepada pelaksanaan pelbagai inisiatif yang menyokong keamanan dan kemajuan bersama.

“Semoga hubungan yang terjalin ini terus diperkasakan dan menjadi pemangkin kepada pelaksanaan pelbagai inisiatif yang membawa kesejahteraan kepada masyarakat di kedua-dua wilayah,” ujarnya.

JENDELA Kelantan teliti status projek, **capaian internet dan liputan luar bandar**

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 16 Jun - Jawatankuasa Jalinan Digital Negara (JENDELA) Negeri Kelantan mengadakan mesyuarat bagi membincangkan perkembangan pelaksanaan infrastruktur telekomunikasi dan liputan internet di seluruh negeri.

Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi YB Dato' Wan Roslan Wan Hamat yang mempengerusikan mesyuarat tersebut berkata, mesyuarat itu turut meneliti status semasa projek-projek JENDELA serta isu berkaitan capaian internet di negeri ini.

Menurutnya, perbincangan turut merangkumi pembangunan menara telekomunikasi, liputan rangkaian di kawasan luar bandar serta langkah penambahbaikan yang perlu diambil bagi memastikan rakyat



Kelantan terus menikmati perkhidmatan komunikasi yang lebih baik, stabil dan berkualiti.

“Mesyuarat ini turut meneliti status semasa projek-projek JENDELA, isu-isu berkaitan capaian internet, pembangunan menara telekomunikasi, liputan rangkaian di kawasan luar bandar serta langkah-langkah penambahbaikan yang perlu diambil bagi memastikan rakyat Kelantan terus menikmati perkhidmatan komunikasi yang

lebih baik, stabil dan berkualiti,” katanya menerusi media sosial pada Ahad.

Beliau berkata demikian selepas mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Jalinan Digital Negara (JENDELA) Negeri Kelantan di Nana Kompleks Kita Darulnaim.

Dato' Wan Roslan berharap kerjasama erat antara kerajaan negeri, agensi persekutuan dan pihak industri diteruskan bagi mempercepatkan usaha memperluaskan lipu-



tan digital, merapatkan jurang komunikasi serta memperkukuhkan ekosistem ekonomi digital demi kesejahteraan rakyat Kelantan.

Turut hadir ialah delegasi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia yang diketuai oleh Bukhari Yahya bersama pegawai kanan MCMC Negeri Kelantan dan Wilayah Timur serta para pegawai Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) yang diketuai oleh Wan Illy Liana Wan Mat.

Keselamatan jalan raya tanggungjawab bersama, bukan pengguna semata-mata – YB Hilmi



Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 16 Jun – Keselamatan jalan raya tidak boleh menjadi tanggungjawab pengguna jalan raya semata-mata, sebaliknya memerlukan komitmen dan penglibatan menyeluruh daripada kerajaan, sektor swasta serta masyarakat bagi mengurangkan kadar kematian dan kecederaan akibat kemalangan.

Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar YB Hilmi Abdullah berkata, usaha memperkukuh keselamatan jalan raya perlu dilaksanakan secara bersepadu memandangkan negara masih berdepan cabaran besar dalam menangani kemalangan jalan raya.

Beliau berkata demikian selepas menghadiri Mesyuarat Agung



Tahunan Majlis Keselamatan Jalan Raya (MKJR) Malaysia Kali Ke-62 yang berlangsung di Sama-Sama Hotel, KLIA International, semalam.

Menurutnya, pendekatan yang dibawa MKJR kini berpaksikan konsep Sistem Selamat yang mengiktiraf bahawa kesilapan manusia tidak dapat dielakkan, namun kesilapan tersebut tidak seharusnya menyebabkan kehilangan nyawa.

“Pelbagai pihak termasuk perancang dasar, penguat kuasa, pendidik, pengeluar kenderaan, jurutera jalan raya dan komuniti perlu bersama-sama membina persekitaran jalan raya yang lebih selamat untuk semua pengguna,” katanya di laman rasmi, pada Isnin.

Beliau berkata, statistik menunjukkan lebih 6,600 kematian akibat

kemalangan jalan raya direkodkan di Malaysia sepanjang tahun 2025, sekali gus menggambarkan cabaran besar yang masih perlu ditangani.

“Daripada jumlah tersebut, sebanyak 66 peratus melibatkan penunggang dan pembonceng motosikal, manakala golongan belia berusia antara 16 hingga 30 tahun kekal sebagai kumpulan paling berisiko dengan purata 35 peratus kematian setiap tahun.

“Keadaan ini menuntut tindakan lebih menyeluruh daripada semua pihak bagi memastikan keselamatan pengguna jalan raya terus dipertingkatkan,” katanya.

Dalam masa sama, beliau memaklumkan Menteri Pengangkutan Malaysia telah meluluskan peruntukan RM30,000 kepada setiap

MKJR negeri bagi memperkasa agenda kempen keselamatan jalan raya dalam usaha mengurangkan jumlah kematian dan kecederaan akibat kemalangan.

Katanya, peruntukan tersebut akan membantu negeri-negeri melaksanakan lebih banyak program pendidikan, kesedaran dan advokasi keselamatan jalan raya kepada masyarakat.

“Walaupun pelbagai inisiatif telah dilaksanakan termasuk mewajibkan penggunaan Sistem Brek Anti-Kunci (ABS) bagi motosikal baharu 150cc ke atas, penguatkuasaan lebih tegas terhadap kenderaan berat, Program MyLesenB2 Sekolah, Ops Selamat serta audit keselamatan kenderaan perdagangan, negara masih jauh daripada mencapai sasaran pengurangan 50 peratus kadar kematian jalan raya menjelang 2030.

“Justeru, semua pihak perlu memainkan peranan masing-masing dalam meningkatkan kesedaran dan pematuhan terhadap aspek keselamatan jalan raya demi melindungi nyawa serta mewujudkan budaya jalan raya yang lebih selamat,” ujarnya.

Peruntukan selenggara jalan Kelantan naik 5.7 peratus kepada RM202.10 juta

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 16 Jun — Kerajaan Kelantan memperuntukkan RM202.10 juta bagi penyelenggaraan jalan di seluruh negeri pada tahun 2025, meningkat sebanyak RM10.97 juta atau 5.7 peratus berbanding RM191.13 juta yang diperuntukkan pada tahun 2023.

Exco Kerjaraya, Infrastruktur, Air dan Pembangunan Luar Bandar YB Dato' Dr Izani Husin berkata, peningkatan peruntukan tersebut mencerminkan komitmen berterusan kerajaan negeri dalam memastikan infrastruktur jalan raya sentiasa berada pada tahap terbaik demi keselesaan dan keselamatan pengguna.

Beliau memaklumkan, perkara itu dibentangkan oleh Pejabat Perbendaharaan Negeri Kelantan



menerusi taklimat Pengurusan Peruntukan Penyelenggaraan Jalan Negeri Kelantan yang diadakan di pejabatnya, hari ini.

“Peruntukan yang disediakan meliputi pelbagai skop kerja termasuk penyelenggaraan berkala, kerja penurapan semula (resurfacing) dan penandaan jalan (road marking), penyelenggaraan luar

jangka, penyelenggaraan elektrik dan mekanikal, longkang, serta jalan bandaran, jalan kampung dan jalan pertanian.

“Kerajaan negeri akan terus memberi keutamaan kepada aspek penyelenggaraan dan peningkatan infrastruktur jalan kerana ia merupakan nadi perhubungan yang menyokong aktiviti ekonomi, mo-

biliti rakyat dan pembangunan negeri secara menyeluruh,” katanya menerusi media sosial, hari ini.

Dalam perkembangan sama, beliau memaklumkan rangkaian jalan negeri turut merekodkan pertambahan ketara dalam tempoh dua tahun kebelakangan ini.

Menurutnya, panjang keseluruhan rangkaian jalan negeri meningkat sebanyak 1,191.93 kilometer (km), daripada 20,997.24 km pada tahun 2023 kepada 22,189.17 km pada tahun 2025.

Tambahnya, pertambahan jaringan jalan itu mencerminkan perkembangan pembangunan infrastruktur negeri yang memerlukan perhatian berterusan dari aspek penyelenggaraan dan pengurusan bagi memastikan kemudahan tersebut dapat dimanfaatkan secara optimum oleh rakyat.

Kelantan peruntuk RM120,000 perkasa inovasi produk biokesihatan



Oleh: Irham Hilmi Hashim

KOTA BHARU, 15 Jun — Kerajaan Negeri Kelantan memperuntukkan RM120,000 bagi memperkasa pembangunan inovasi produk biokesihatan dan bioteknologi menerusi penganjuran BioFounder Challenge 2024 dan 2025, sekali gus memperkukuh ekosistem keusahawanan bio tempatan yang berpotensi tinggi untuk dikomersialkan.

Exco Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi Negeri Kelantan, YB Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, BioFounder Challenge terus memainkan peranan penting sebagai platform pembangunan usahawan bio tempatan dengan menyediakan ruang kepada peserta menegenahkan idea, inovasi dan produk berasaskan bioteknologi serta biokesihatan yang berdaya saing.

Menurut beliau, peruntukan tersebut disediakan sebagai hadiah dan insentif kepada peserta yang menyertai pertandingan berkenaan, selaras dengan usaha kerajaan negeri menggalakkan pembangunan industri bio sebagai sektor ekonomi baharu yang berpotensi untuk berkembang.

“Peruntukan ini mencerminkan komitmen kerajaan negeri dalam memberi galakan kepada usahawan tempatan untuk terus menghasilkan produk yang inovatif dan berkualiti tinggi.

“Program ini bukan sahaja memberi ruang kepada peserta menegenahkan idea dan inovasi baharu, malah membantu meningkatkan kualiti produk yang dihasilkan agar mampu memenuhi keperluan pasaran semasa,” katanya ketika berucap pada Majlis Penyampaian Hadiah Pemenang

BioFounder Challenge di H Elite Hotel, di sini, semalam.

Turut hadir Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK), Mohd Zulkuffi Zakaria serta peserta dan usahawan yang mengambil bahagian dalam program tersebut.

Mohd Saripudin berkata, kerajaan negeri sentiasa komited menyokong pembangunan industri bio tempatan memandangkan sektor itu mempunyai potensi besar untuk menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negeri serta mewujudkan peluang perniagaan dan pekerjaan baharu.

Menurutnya, usaha memperkasa sektor bio perlu dilaksanakan secara berterusan bagi memastikan lebih banyak produk tempatan mampu menembusi pasaran yang lebih luas serta meningkatkan daya saing industri berasaskan bioteknologi dan biokesihatan.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada semua peserta yang menunjukkan komitmen tinggi dalam membangunkan produk tempatan yang inovatif dan berpotensi untuk dipasarkan.

“Kesungguhan peserta membuktikan bahawa Kelantan memiliki ramai usahawan kreatif yang mampu berkembang lebih jauh da-

lam industri biokesihatan.

“Setiap penyertaan yang diterima membuktikan bahawa sektor bio di Kelantan mempunyai masa depan yang cerah sekiranya terus diberikan sokongan dan bimbingan yang sewajarnya,” katanya.

Beliau berkata, proses penilaian pertandingan dilaksanakan secara telus dan profesional oleh panel juri yang terdiri daripada pakar industri serta penyelidik daripada institusi pengajian tinggi.

Menurutnya, penglibatan pakar dalam bidang berkaitan memastikan setiap produk dinilai berdasarkan kriteria yang ditetapkan, sekali gus meningkatkan kredibiliti pertandingan.

Beliau berharap BioFounder Challenge dapat diteruskan sebagai platform strategik untuk melahirkan lebih ramai usahawan bio yang berdaya saing serta mampu menghasilkan produk bernilai tambah tinggi.

“Program ini bukan sahaja menjadi medan mencungkil bakat dan inovasi tempatan, malah berpotensi membuka peluang ekonomi baharu kepada rakyat melalui penghasilan produk bioteknologi dan biokesihatan yang berkualiti serta mempunyai nilai komersial tinggi,” katanya.

Operasi bersepadu banteras aktiviti peniaga PATI di Bachok

Oleh: Syamimi Manah

BACHOK, 14 Jun – Operasi bersepadu yang dilaksanakan oleh Majlis Daerah Bachok Bandar Pelancongan Islam (MDBBPI) dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM) berjaya membanteras aktiviti perniagaan yang dijalankan oleh pendatang asing tanpa izin (PATI) di sekitar kawasan persisiran pantai Bachok pada Sabtu.

Operasi yang dijalankan oleh Unit Penguatkuasaan MDBBPI itu menyasarkan peniaga asing yang menjalankan perniagaan tanpa lesen sah, sekali gus memastikan pematuhan terhadap undang-undang kecil pihak berkuasa tempatan serta melindungi kepentingan peniaga tempatan.

Hasil serbuan yang dijalankan, sebuah motosikal yang digunakan untuk menjalankan aktiviti perniagaan haram telah disita,



manakala kompaun turut dikeluarkan terhadap individu yang didapati menjalankan perniagaan tanpa lesen.

Menurut kenyataan MDBBPI, tindakan tersebut diambil mengikut peruntukan Undang-Undang Kecil 3, Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (Pindaan) MDBBPI 2025.

“Pihak MDBBPI sebelum ini telah mengeluarkan amaran awal kepada peniaga terbabit. Namun,

kegagalan mereka mematuhi arahan dan meneruskan aktiviti perniagaan tanpa kebenaran menyebabkan tindakan sitaan serta-merta terpaksa dilaksanakan,” menurut kenyataan di laman rasmi, semalam.

MDBBPI menegaskan operasi penguatkuasaan akan diteruskan secara berkala bagi memastikan semua aktiviti perniagaan di daerah itu mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan.

“Langkah penguatkuasaan yang

tegas dan berterusan ini mencerminkan komitmen MDBBPI dalam menegakkan undang-undang kecil daerah, di samping melindungi kebajikan serta hak peniaga tempatan yang sah,” katanya.

Tambah kenyataan itu, tindakan berkenaan juga bertujuan mengekalkan imej Bachok sebagai kawasan pelancongan yang bersih, selamat dan harmoni, selain memastikan persekitaran perniagaan yang lebih teratur untuk manfaat semua pihak.



Caj RM1 ATM dimansuhkan mulai 1 Julai, YB Ahmad Fadhli sifatkan kemenangan rakyat



Oleh: Syamimi Manah

PASIR MAS, 16 Jun — Keputusan institusi perbankan memansuhkan caj RM1 bagi pengeluaran wang tunai antara bank melalui mesin pengeluaran automatik (ATM) dan mesin kitar semula tunai (SRM) bermula 1 Julai depan disifatkan sebagai kemenangan rakyat, khususnya golongan berpendapatan rendah yang selama ini menanggung kos tambahan bagi urusan perbankan harian.

Ahli Parlimen Pasir Mas YB Ahmad Fadhli Shaari berkata,

beliau telah membangkitkan isu tersebut sejak Februari lalu kerana berpandangan caj RM1 yang dikenakan bagi setiap transaksi pengeluaran antara bank memberi kesan langsung kepada pengguna, terutama mereka yang kerap menggunakan perkhidmatan ATM.

Menurutnya, isu berkenaan turut melibatkan penduduk luar bandar yang mempunyai pilihan terhad untuk mengakses perkhidmatan perbankan.

“Alhamdulillah, hari ini rakyat Malaysia akhirnya didengari. Keputusan menghapuskan caj

RM1 ini merupakan satu hadiah kepada rakyat dan membuktikan bahawa suara masyarakat tidak boleh dipandang ringan,” katanya menerusi laman rasmi, semalam.

Beliau berkata, walaupun caj RM1 dilihat kecil, kos tersebut menjadi beban tambahan apabila melibatkan transaksi yang dilakukan secara kerap oleh pengguna.

“Perkara yang menyentuh kebajikan rakyat perlu diberikan perhatian. Apa yang penting ialah memastikan sistem kewangan lebih mesra pengguna dan tidak mem-

bebankan rakyat dengan caj yang tidak perlu,” ujarinya.

Tambahnya, penghapusan caj berkenaan membuktikan bahawa pandangan yang disuarakan demi kepentingan rakyat mampu membawa perubahan positif apabila diberikan perhatian sewajarnya oleh pihak berkaitan.

Terdahulu, bank-bank di Malaysia mengumumkan penghapusan caj RM1 bagi pengeluaran tunai antara bank melalui ATM dan SRM berkuat kuasa mulai 1 Julai 2026.



Malaysia perlukan 2,000 beg darah setiap hari - Exco Kesihatan

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 15 Jun - Malaysia memerlukan sekurang-kurangnya 2,000 beg darah setiap hari bagi memastikan bekalan darah sentiasa mencukupi untuk keperluan rawatan di hospital seluruh negara.

Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar YB Hilmi Abdullah berkata, keperluan itu penting bagi menampung permintaan pesakit yang memerlukan transfusi darah termasuk mangsa kemalangan, ibu yang mengalami komplikasi kelahiran, pesakit kanser dan talasemia.

Beliau berkata, setiap satu beg darah yang didermakan berpotensi membantu serta menyelamatkan sehingga tiga nyawa.

“Setitis darah yang didermakan bukan sekadar cecair kehidupan, malah membawa sinar harapan kepada pesakit kemalangan, ibu yang mengalami komplikasi kelahiran, pesakit kanser, talasemia serta



mereka yang memerlukan transfusi darah secara berterusan.”

Beliau berkata demikian sempena sambutan Hari Penderma Darah Sedunia 2026 yang disambut pada 14 Jun, menerusi kenyataan di media sosial, hari ini.

Menurutnya, Kelantan masih berdepan cabaran dalam mening-

katkan kadar pendermaan darah apabila data sebelum ini menunjukkan kadar pendermaan darah di negeri itu antara yang terendah di negara ini.

Katanya lagi, hanya sekitar 1.7 peratus penduduk di Kelantan tampil sebagai penderma darah.

“Beberapa kemas kini oleh pi-

hak pengurusan derma darah negeri turut memaklumkan bahawa bekalan darah di Kelantan masih berada di bawah paras selamat dan memerlukan lebih ramai penderma tampil secara konsisten,” jelasnya.

Sehubungan itu, beliau menyeru rakyat Kelantan yang memenuhi syarat kesihatan supaya menjadikan pendermaan darah sebagai amalan berkala bagi membantu memastikan stok darah sentiasa mencukupi.

Katanya, kehadiran orang ramai ke pusat pendermaan darah atau kempen pendermaan bergerak mampu membantu mengekalkan bekalan darah untuk kegunaan kecemasan serta rawatan pesakit yang memerlukan.

“Marilah kita bersama-sama menjadi wira tanpa nama dengan menyumbang darah secara sukarela. Setitis darah anda mampu memberi harapan baharu dan menyelamatkan nyawa,” katanya.

Pengamal media perlu bekerja dengan itqan dan integriti selaras tema HAWANA 2026

Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 14 Jun - Pengamal media perlu melaksanakan tugas dengan penuh itqan dan berintegriti selaras dengan tema sambutan Hari Wartawan Nasional (HAWANA) 2026, “Media Berintegriti Teras Kredibiliti”.

Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta YB Mohd Asri Mat Daud berkata tema yang digunakan pada sambutan HAWANA peringkat Persekutuan pada 20 Jun ini turut dijadikan tema Sambutan HAWANA Peringkat Negeri Kelantan tahun ini.

Beliau berkata, tema berkenaan perlu dijadikan pedoman oleh seluruh pengamal media dalam melaksanakan tanggungjawab masing-masing.

“Kita uar-uarkan supaya ia dijadikan sebagai satu pedoman kepada seluruh pengamal media kita. Biar kita bekerja selama-lamanya secara berintegriti,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Sambu-



tan HAWANA Peringkat Negeri Kelantan 2026 di sebuah hotel, di sini, malam tadi.

Katanya lagi, menurut Institut Integriti Malaysia, integriti membawa maksud setiap tugas yang dilaksanakan sama ada di peringkat individu mahupun organisasi perlu berteraskan nilai jujur, benar, amanah, telus, cekap, bertanggungjawab dan bijaksana.

Jelasnya, nilai-nilai tersebut penting dalam membina kepercayaan masyarakat terhadap laporan dan penulisan media.

“Mereka yang mengamati penulisan berita kita akan meletakkan kepercayaan yang tinggi terhadap

penulisan berita tersebut. Itulah yang termaktub dalam media yang berintegriti yang menjadi teras kredibiliti yang mesti dipasakkan kepada seluruh pengamal media,” katanya.

Mengulas pengumuman sambutan HAWANA oleh Kerajaan Negeri Kelantan, beliau berkata program itu menjadi medium untuk memperkukuh hubungan profesional dan ukhuwah antara pimpinan kerajaan negeri dengan pengamal media.

Menurutnya, program berkenaan juga menjadi wadah untuk kerajaan negeri menyantuni pengamal media serta bekas pengamal

media, termasuk mereka yang uzur dan memerlukan bantuan.

“Insya Allah program ini akan menjadi suatu wadah untuk kerajaan negeri menyantuni seluruh pengamal dan bekas pengamal media termasuk yang mempunyai keuzuran ataupun yang susah.

“Kita akan pastikan nama-nama bekas pengamal media yang uzur juga dimasukkan dalam senarai untuk diberi bantuan atau sumbangan kebajikan,” katanya.

Beliau berkata usaha kebajikan terhadap bekas pengamal media itu telah dimulakan pada sambutan HAWANA tahun lalu dan diteruskan pada tahun ini.



PPKK Machang perkasa komuniti melalui keusahawanan Batik Terap

Oleh: Irham Hilmi Hashim

MACHANG, 14 Jun – Projek Pembangunan Kemahiran Komuniti (PPKK) Machang terus memainkan peranan penting dalam memperkasa masyarakat setempat apabila membuka peluang keusahawanan baharu berasaskan kraf tempatan melalui pelaksanaan Makmal Pembangunan dan Pengeluaran Produk Kraf Batik Terap Fasa 1.

Exco Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita Negeri Kelantan YB Dato' Rohani Ibrahim berkata, program yang dilaksanakan itu merupakan satu inisiatif yang amat bermakna dalam membangunkan masyarakat menerusi latihan kemahiran dan keusahawanan berasaskan warisan kraf tempatan.

Menurutnya, usaha berkenaan bukan sahaja membantu memelihara seni warisan tradisional, malah memberi peluang kepada peserta untuk memperoleh kemahiran yang boleh diterjemahkan kepada sumber pendapatan dan peluang perniagaan pada masa hadapan.

Beliau berkata demikian dalam satu kenyataan media selepas mengadakan lawatan ke Makmal Pembangunan dan Pengeluaran Produk Kraf Batik Terap Fasa 1 di



bawah PPKK Machang yang berlangsung di Dewan Al Falah, Labok, Machang, pada Khamis lalu.

Program anjuran Kraftangan Malaysia Cawangan Kelantan dengan kerjasama Darul Niswah DUN Pulau Chondong itu berlangsung selama empat hari bermula 8 hingga 11 Jun 2026 dan melibatkan penyertaan seramai 25 pelatih daripada komuniti Machang.

Dalam lawatan tersebut, YB Dato' Rohani meninjau secara dekat proses pembangunan dan penghasilan produk kraf batik terap selain mendengar taklimat mengenai usaha yang dilaksanakan bagi memperkukuh industri kraf tempatan sebagai satu cabang ekonomi yang berpotensi untuk dikembangkan.

Beliau memaklumkan, makmal yang dilaksanakan dengan kerjasama daripada Darul Niswah DUN

Pulau Chondong itu memberi fokus kepada teknik batik terap bagi menghasilkan produk hiasan meja seperti seperah, alas pinggan dan napkin.

Sehubungan itu, Dato' Rohani yakin Inisiatif berkenaan mampu membantu memelihara warisan seni kraf tradisional dan membuka peluang kepada peserta untuk mengembangkan kemahiran serta menghasilkan produk yang mempunyai nilai komersial.

“Program anjuran Kraftangan Malaysia Cawangan Kelantan dengan kerjasama Darul Niswah DUN Pulau Chondong ini merupakan satu usaha yang amat bermakna dalam memperkasa masyarakat melalui pembangunan kemahiran dan keusahawanan berasaskan warisan kraf tempatan.

“Ia bukan sahaja membantu memelihara warisan seni kraf tradision-



al, malah membuka ruang kepada peserta untuk mengembangkan kemahiran serta menghasilkan produk yang mempunyai nilai komersial dan berpotensi dipasarkan,” katanya.

Beliau turut menzahirkan penghargaan kepada Kraftangan Malaysia Cawangan Kelantan atas komitmen berterusan dalam memartabatkan warisan kraf tempatan melalui pelbagai program pembangunan kemahiran yang memberi manfaat kepada masyarakat.

Turut hadir, Timbalan Exco Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita YB Nor Asilah Mohamed Zin, Ahli Dewan Negeri (ADN) Pulau Chondong YB Azhar Salleh bersama isteri dan Pengarah Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita (U-KeKWa) Ilvira Mohd Dasuki.

1,000 hadirin meriahkan Program Bina Ummah di Padang Rokma



Oleh: Syamimi Manah

TUMPAT, 14 Jun – Seramai 1000 hadirin memeriahkan Program Bina Ummah di mukim Chenderong Batu mukim Padang Rokma yang menyediakan pelbagai aktiviti kekeluargaan yang menarik.

Program tersebut berlangsung di Padang Tambung, Kampung Padang Rokma, semalam.

Sehubungan itu, Ahli Dewan Negeri (ADN) Wakaf Bharu YB

Mohd Rusli Abdullah berkata, sambutan yang diberikan masyarakat amat memberangsangkan apabila ramai penduduk hadir bersama ahli keluarga bagi memeriahkan program yang bertujuan mengukuhkan hubungan silaturahim dan semangat kebersamaan dalam komuniti.

Menurutnya, pelbagai acara sukaneka yang disediakan bukan sahaja menceriakan suasana bahkan menjadi platform mengeratkan hubungan antara penduduk di pelbagai peringkat usia.

“Alhamdulillah, antara yang paling menggembirakan apabila melihat ramai penduduk keluar bersama keluarga untuk memeriahkan program ini. Sambutan yang diterima membuktikan masyarakat masih menghargai program yang mampu menghimpunkan komuniti dalam suasana harmoni dan penuh ke-

mesraan,” katanya di laman rasmi, semalam.

Selain acara Tarik tali yang mendapat perhatian ramai, terdapat juga pelbagai aktiviti menarik yang lain termasuk lari dalam guni, belon panas, teropoh gergasi, pertandingan memancing serta pertandingan warna bagi kanak-kanak.

Program tersebut turut diserikan dengan pengisian K-RABB yang disampaikan oleh Pegawai Institut Latihan Darulnaim (ILDAN), Nor Atikin Othman selain pameran dan khidmat komuniti melibatkan beberapa agensi seperti Pertubuhan Keselamatan Sosial, Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) dan pemeriksaan Kesihatan oleh Klinik Kesihatan Wakaf Bharu.

Selain itu, pengunjung juga berpeluang mendapatkan pelbagai perkhidmatan lain seperti pemer-

iksaan mata serta semakan Kifalah bagi warga emas, di samping dapat menikmati jamuan makan tengahari berlaukkan gulai daging kerbau yang disediakan kepada orang ramai.

Tambah YB Mohd Rusli, program itu turut dimeriahkan dengan cabutan bertuah yang menawarkan pelbagai hadiah menarik termasuk hadiah utama berupa seekor kambing.

Beliau merakamkan penghargaan kepada pengarah program, jawatankuasa urus setia dan semua pihak yang terlibat dalam menjayakan penganjuran tersebut.

“Dengan sambutan yang begitu baik daripada masyarakat, program ini wajar diteruskan dan berpotensi dijadikan acara tahunan bagi memperkukuh institusi kekeluargaan serta perpaduan komuniti di Wakaf Bharu” jelasnya.

Penerbangan sulung Kota Bharu-Jakarta-Kota Bharu catat 302 penumpang

Oleh: Syamimi Manah

KOTA BHARU, 16 Jun — Penerbangan sulung laluan terus Kota Bharu-Jakarta-Kota Bharu yang dikendalikan AirAsia mencatatkan jumlah keseluruhan 302 penumpang pada hari pertama operasinya, sekali gus mencerminkan sambutan memberangsangkan terhadap pembukaan laluan antara-bangsa baharu yang dijangka merancakkan sektor pelancongan dan ekonomi Kelantan.

Sehubungan itu, Exco Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan YB Datuk Kamarudin Md Nor berkata, sebanyak 184 penumpang berlepas dari Kota Bharu ke Jakarta pada penerbangan sulung sebelah pagi, manakala 118 penumpang dari Jakarta tiba di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra (LTSIP), Pengkalan Chepa pada sebelah petang.

Beliau berkata, sambutan positif itu memberi petunjuk awal terhadap potensi besar laluan berkenaan dalam meningkatkan aliran pelancong serta memperkukuh hubungan antara Kelantan dan Indonesia.

“Ini merupakan satu langkah besar untuk mempromosikan Kelantan dalam bidang pelancongan.

“Saya sangat positif terhadap perkembangan dan peningkatan



“Ini merupakan satu langkah besar untuk mempromosikan Kelantan dalam bidang pelancongan. “Saya sangat positif terhadap perkembangan dan peningkatan jumlah pengunjung ke Kelantan pada masa akan datang,”

jumlah pengunjung ke Kelantan pada masa akan datang,” katanya pada sidang media Program Sambutan Pelancong Sempena Penerbangan Sulung AirAsia dari Jakarta ke Kota Bharu di LTSIP, hari ini.

Menurutnya, kumpulan penumpang yang tiba dari Jakarta terdiri daripada pelancong yang memilih Kelantan sebagai destinasi lawatan dan disambut oleh kerajaan negeri sebagai tanda penghargaan terhadap sokongan mereka.

Beliau memaklumkan, pembukaan laluan antarabangsa itu selaras dengan hasrat kerajaan negeri untuk memperkukuh kedudukan Kota Bharu sebagai hab penerbangan serantau yang menghubungkan Kelantan dengan beberapa destinasi utama di Asia.

“Laluan Kota Bharu-Jakarta bermula dengan baik dan kita berharap kejayaan ini akan berterusan serta terus bertambah baik dari semasa ke semasa,” ujarnya.


Tambahnya, penerbangan terus Kota Bharu-Jakarta mengambil masa kira-kira 2 jam 30 minit dengan kekerapan empat kali seminggu, selain menawarkan tambang kompetitif bergantung kepada tempoh tempahan.

Tambahnya, kejayaan laluan tersebut mampu membuka lebih banyak peluang dalam sektor pelancongan, perdagangan dan pelaburan, selain menyokong usaha memperluas rangkaian penerbangan antarabangsa dari Kelantan ke destinasi lain seperti Bangkok, Ho Chi Minh City dan Guangzhou

pada masa hadapan.

Dalam pada itu, beliau merakamkan penghargaan kepada AirAsia, Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB), pengurusan LTSIP, agensi pelancongan, pengusaha hotel, penyedia perkhidmatan pengangkutan serta semua pihak yang terlibat dalam menjayakan penerbangan sulung berkenaan.

Turut hadir, Timbalan Exco Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan YB Zameri Mat Nawang, Pengarah Urusan Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) Dato’ Mohd Izani Ghani, Director Global & Government Affairs AirAsia Zamani Rafique serta Pengurus LTSIP Suhaimi Abdul Sani.



Menyanjung pena, memuliakan kebenaran



Oleh: Norzana Razaly

SEJARAH tidak diwarisi melalui ingatan semata-mata melainkan melalui tulisan yang direkod, disusun dan disampaikan kepada generasi seterusnya. Nah! Pada saat dunia komunikasi bergerak pantas dengan ledakan media sosial, kecerdasan buatan dan penyebaran maklumat tanpa sempadan, satu hakikat masih kekal tidak berubah ialah tamadun dibina oleh manusia yang mencatat.

Atas kesedaran inilah Kerajaan Negeri Kelantan melalui portfolio Penerangan yang diterajui exconya, YB Mohd Asri Mat Daud menzahirkan penghargaan kepada golongan jurutulis moden iaitu wartawan, editor, jurugambar, penyampai radio dan pengamal media melalui penganjuran Anugerah Media Kelantan 2026 sempena sambutan Hari Wartawan Nasional (HAWANA) yang diraikan pada 29 Mei saban tahun.

Majlis yang dijadual berlangsung pada 13 Jun di Kota Bharu adalah siri yang pernah dilaksanakan tahun sebelumnya di Kuala Lumpur. Acara tersebut bukanlah sekadar acara penyampaian hadiah. Lebih penting, momen ini melambangkan pengiktirafan kerajaan negeri terhadap peranan pengamal media sebagai pencatat sejarah, penyampai maklumat dan penjaga kredibiliti masyarakat.

Tema yang dipilih, “Media Berintegriti, Teras Kredibiliti”, membawa mesej jelas bahawa pembangunan negeri juga bergantung kepada kekuatan maklumat yang benar, tepat dan beretika.

Kedudukan istimewa

Mengimbu rekod silam, hakikatnya, penghormatan kepada golongan penulis, pencatat dan penyampai maklumat bukanlah sesuatu yang baharu dalam tradisi pemerintahan Islam. Jika ditelusuri sejarah, golongan jurutulis atau katib merupakan antara kelompok yang mendapat kedudukan istimewa dalam struktur pentadbiran negara.

Pada zaman Khulafa al-Rasyidin, khususnya era pemerintahan Saidina Umar al-Khattab, jurutulis yang mengurus surat-menyurat rasmi dan rekod kewangan dalam institusi Diwan diberikan elaun tetap daripada Baitulmal. Tugas mereka dianggap sebahagian daripada amanah negara kerana melibatkan pengurusan maklumat dan urusan rakyat.

Antara tokoh yang menonjol ialah Zaid bin Thabit RA, sahabat Nabi SAW yang terkenal sebagai penulis wahyu, pengumpul al-Quran dan pentadbir yang berwibawa. Penghormatan yang diberikan kepada beliau menunjukkan

bahawa pena dan ilmu mempunyai kedudukan yang tinggi dalam tamadun Islam.

Pengiktirafan terhadap jurutulis semakin berkembang pada zaman Umawiyah. Ketika itu ditubuhkan institusi seperti Diwan al-Rasa'il yang mengurus surat-menyurat rasmi kerajaan serta Diwan al-Khatam yang menyemak dan mengesahkan dokumen negara.

Jurutulis kanan yang dikenali sebagai Kātib al-Rasā'il menerima elaun khas, diberikan kediaman rasmi, kenderaan tunggangan dan kedudukan setaraf pembesar negeri. Bahkan, jawatan tersebut sering menjadi laluan kepada pelantikan sebagai wazir atau gabenor.

Kemuncak kegemilangan golongan jurutulis berlaku pada zaman Abbasiyyah apabila institusi Diwan al-Insha' berfungsi seperti kementerian komunikasi, penerangan dan diplomasi moden.

Aset strategik negara

Tokoh persuratan seperti Abd al-Hamid al-Katib dan Ibn al-Amid diberikan pelbagai penghormatan termasuk gelaran negara, ganjaran emas dan perak, pakaian kebesaran serta peluang menduduki jawatan tertinggi pentadbiran.

Abd al-Hamid al-Katib bahkan diabadikan dalam ungkapan terkenal, “al-kitabah bad'at bi Abd al-Hamid wa ikhtatamat bi Ibn al-Amid.” yang bermaksud “seni persuratan bermula dengan Abd al-Hamid dan mencapai kemuncaknya pada Ibn al-Amid.”

Ungkapan ini membuktikan bahawa kemahiran menulis pernah dianggap sebagai aset strategik negara dan simbol kemajuan sesebuah tamadun.

Tradisi penghormatan tersebut diteruskan pada zaman Abbasiyyah hingga Uthmaniyyah melalui penganugerahan khil'ah atau pakaian kebesaran diraja kepada golongan jurutulis, pengarang istana dan penyampai maklumat rasmi.

Mereka turut menerima serban khas, pedang kehormatan, kuda diraja serta cincin mohor kerajaan. Semua simbol ini membawa makna negara mengiktiraf jasa mereka dalam memelihara ilmu, rekod dan maklumat.

Pada era Uthmaniyyah pula, wujud jawatan Nişancı, iaitu ketua jurutulis diraja yang bertanggungjawab menyediakan titah Sultan dan dokumen penting kerajaan. Mereka menikmati kedudukan tinggi dalam hierarki pemerintahan dan sebahagiannya dilantik sebagai Wazir Besar.

Wartawan moden menyerupai institusi Barid

Menariknya, fungsi wartawan moden juga mempunyai persamaan dengan institusi Barid dalam tamadun Islam. Barid meru-

pakan sistem penyampaian berita dan maklumat kerajaan, manakala Sahib al-Barid bertindak sebagai ketua maklumat yang menghantar laporan dari wilayah kepada khalifah.

Pada zaman Abbasiyyah, pegawai Barid menerima imbuhan khas dan mempunyai akses langsung kepada pemerintah kerana maklumat dianggap aset strategik yang menentukan kestabilan negara.

Pendek kata, pengamal media moden mewarisi sebahagian fungsi tradisional kاتب dan sahib al-barid yang bertanggungjawab merekod, mengesahkan serta menyampaikan maklumat kepada pemerintah dan masyarakat

Justeru, apabila Kerajaan Negeri Kelantan menganjurkan Anugerah Media Kelantan 2026, inisiatif ini sebenarnya meneruskan satu tradisi panjang yang pernah menjadi amalan dalam tamadun Islam. Bukannya soal hadiah atau trofi, penghormatan kepada pengamal media adalah pengiktirafan terhadap peranan mereka sebagai penyimpan memori bangsa dan penyampai kebenaran.

Sebagai permulaan, sebanyak sembilan kategori dipertandingkan meliputi bidang akhbar, televisyen, fotografi dan radio. Kategori akhbar merangkumi Anugerah Berita Akhbar Bahasa Melayu Terbaik, Laporan Khas Akhbar Bahasa Melayu Terbaik serta Berita Akhbar Bukan Bahasa Melayu Terbaik. Kategori televisyen pula melibatkan Berita TV Terbaik, Laporan Khas TV Terbaik dan Visual Terbaik.

Manakalabagikategori fotografi, anugerah Gambar Berita Terbaik dipertandingkan, manakala kategori radio melibatkan Penyampai Radio Kerajaan Terbaik dan Penyampai Radio Swasta Terbaik.

Walaupun nilai hadiahnya sederhana, langkah ini membawa makna yang besar yang menandakan bahawa Kelantan memahami peranan media sebagai rakan strategik pembangunan.

Justeru dalam dunia yang dipenuhi maklumat bercampur fakta dan persepsi, masyarakat memerlukan wartawan yang berintegriti, jurugambar yang jujur merakam realiti dan penyampai yang bertanggungjawab terhadap setiap kata yang diucapkan.

Rumusan

Sejarah membuktikan, kerajaan yang menghargai pena lazimnya akan melahirkan tamadun yang panjang usia. Sebaliknya, tamadun yang mengabaikan ilmu dan maklumat akhirnya akan kehilangan arah.

Maka, Anugerah Media Kelantan 2026 adalah manifestasi Kerajaan Negeri Kelantan memandangi tinggi golongan yang bekerja dengan pena (papan kekunci), kamera dan mikrofon. Kerana di sebalik setiap pembangunan yang dicatat, ada insan yang menulisnya untuk dikenang oleh sejarah.

AMK 2025 suntik semangat pengamal media terus berkarya, berintegriti



Oleh: Norzana Razaly

KOTA BHARU, 16 Jun – Para pemenang utama Anugerah Media Kelantan (AMK) 2025 menyifatkan pengiktirafan yang diterima bukan sekadar penghargaan terhadap pencapaian peribadi, sebaliknya pengiktirafan kepada seluruh pasukan media yang bekerja di belakang tabir dalam menyampaikan maklumat berkualiti kepada masyarakat.

Mereka turut berharap penganjuran AMK diteruskan sebagai platform mengiktiraf kecemerlangan pengamal media serta merangsang penghasilan karya yang berintegriti, berimpak tinggi dan dekat dengan rakyat.

Bagi kategori Penyampai Radio Swasta Terbaik penyampai THR Gegar Fazlisham Mat Hussin atau lebih dikenali sebagai Issey, yang dinobatkan sebagai pemenang tempat pertama menerusi siaran Banjir Kelantan Peringatan menyifatkan pengiktirafan tersebut sebagai penghormatan besar yang dikongsi bersama seluruh pasukan penyiaran yang menjadi tulang belakang kejayaannya.

“Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT atas pengiktirafan sebagai Penyampai Radio Swasta Terbaik sempena Anugerah Media Kelantan 2025.

“Terima kasih kepada Kerajaan Negeri Kelantan, Kelab Media Kelantan Darul Naim dan barisan panel juri atas penghargaan yang cukup bermakna ini.

“Sebenarnya, anugerah ini bukan milik saya seorang. Ia adalah hasil kerja berpasukan yang sentiasa berada di belakang tabir dan di hadapan mikrofon setiap pagi,” katanya.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada rakan penyampainya dalam segmen Bro Pagi Gegar, Hafizi Roslan, yang sentiasa menjadi rakan seperjuangan dalam menghiburkan dan menceritakan pagi para pendengar.

Menurutnya, kejayaan tersebut juga tidak dapat dipisahkan daripada sokongan pasukan pengu-rusan THR Gegar termasuk Pengurus Kandungan Nik Mohamed Fariz Nek Hassan serta Pengurus Jenama Niq Nur Azarina Sahrin yang sentiasa memberikan kepercayaan, bimbingan dan dorongan sepanjang kerjayanya dalam dunia penyiaran.

“Penghargaan juga saya tujukan kepada seluruh warga kerja THR Gegar, pihak pengu-rusan, rakan-rakan media, keluarga dan sahabat yang sentiasa mendoakan serta menyokong per-

jalanan saya dalam industri ini.

“Sebagai anak Kelantan yang merantau, menerima pengiktirafan ini di negeri sendiri memberikan makna yang sangat besar. Ia bukan sekadar sebuah anugerah, tetapi penghargaan yang akan saya kenang sepanjang hayat,” katanya.

Beliau juga mengakui, anugerah tersebut menjadi pemangkin untuk terus memperbaiki mutu penyampaian, menambah ilmu dan memberikan persembahan terbaik kepada pendengar serta industri penyiaran negara.

“Perjalanan ini masih panjang dan saya masih banyak perkara yang perlu dipelajari. Pengiktirafan ini menjadi motivasi untuk saya terus meningkatkan kualiti kerja dan memberikan yang terbaik kepada pendengar.

“Paling istimewa, terima kasih kepada semua pendengar THR Gegar yang memilih untuk bersama kami setiap pagi. Tanpa anda, suara kami hanyalah suara di udara,” katanya.

Sementara itu, juara kategori Laporan Khas Akhbar Bahasa Melayu Terbaik pada Anugerah Media Kelantan (AMK) 2025, Hazelen Liana Kamarudin menyifatkan penganjuran anugerah berkenaan sebagai platform penting yang memberi pengiktirafan dan suntikan motivasi kepada pengamal media untuk terus menghasilkan karya berkualiti serta berimpak tinggi.

Wartawan Sinar Harian itu yang dinobatkan sebagai juara menerusi karya bertajuk Bina Benteng atau Gali Terusan? turut merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Negeri Kelantan atas inisiatif menganjurkan acara berprestij tersebut sempena sambutan Hari Wartawan Nasional (HAWANA) 2026 Peringkat Negeri Kelantan.

“Syabas kepada Kerajaan Negeri Kelantan, khususnya Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta YB Mohd Asri Mat Daud serta Urus Setia Penerangan dan Komunikasi Negeri Kelantan (UPKN) selaku pelaksana program ini.

“Walaupun julung kali diadakan, penganjuran ini memberi impak besar kepada pengamal media tempatan dan membuktikan sumbangan mereka sentiasa dihargai,” katanya ketika ditemui selepas Majlis Anugerah Media Kelantan 2025 di sebuah hotel di sini, Sabtu lalu.

Majlis gilang-gemilang yang menghimpunkan pengamal media dari seluruh Pantai Timur itu dirasmikan oleh Menteri Besar Kelantan YAB Dato’ Panglima Perang Ustaz Dato’ Mohd Nassurudin Daud dan menyaksikan 29 pemenang menerima pengiktirafan dalam empat kategori yang dipertandingkan sebagai tanda penghargaan kepada wartawan, editor, jurugambar, jurukamera, penerbit dan penyampai radio yang memainkan peranan penting dalam menyampaikan maklumat tepat, berwibawa dan berintegriti kepada masyarakat.

Sehubungan itu, Hazelen mencadangkan penganjuran AMK sewajarnya diteruskan sebagai acara tahunan kerana bukan sahaja mengiktiraf kecemerlangan pengamal media, malah menjadi

pemangkin kepada penghasilan karya kewartawanan yang lebih berkualiti dan berdaya saing.

“Apabila usaha dan hasil kerja dihargai, sudah tentu ia memberi semangat kepada wartawan untuk terus menghasilkan laporan yang berimpak tinggi, menyentuh nilai kemanusiaan sejagat serta memberi manfaat kepada masyarakat,” jelasnya.

Beliau turut berpandangan bahawa pada masa hadapan, penganjur boleh mempertimbangkan syarat khas yang memberi keutamaan kepada karya-karya berkaitan pembangunan dan pencapaian negeri sepanjang pelaksanaan dasar Penghayatan Membangun Bersama Islam (PMBI).

“Pada hemat saya, wajar dipertimbangkan agar karya yang dipertandingkan mempunyai kaitan dengan pencapaian Kelantan sepanjang pelaksanaan PMBI.

“Melalui pendekatan itu, para juri dan masyarakat dapat melihat dengan lebih jelas perkembangan sebenar negeri, termasuk aspek kestabilan pentadbiran, kemakmuran ekonomi serta kesejahteraan rakyat yang dicapai sepanjang tempoh tersebut,” ujarinya.

Manakala wartawan Harian Metro Hazira Ahmad Zaidi yang merangkul tempat pertama kategori Berita Akhbar Bahasa Melayu Terbaik menerusi karya Kusta Bukan Sumpahan melahirkan rasa syukur atas pengiktirafan yang diterimanya.

“Alhamdulillah, saya amat bersyukur dan berbesar hati menerima anugerah ini. Pengiktirafan ini bukan sahaja untuk saya, tetapi juga kepada seluruh pasukan editorial dan pihak yang sentiasa memberi sokongan dalam menghasilkan laporan terbaik untuk masyarakat.

“Kemenangan ini menjadi pembakar semangat untuk saya terus menghasilkan karya kewartawanan yang berfakta, berintegriti dan memberi impak kepada rakyat. Saya juga merakamkan penghargaan kepada pihak penganjur atas penganjuran majlis berprestij ini bagi meraikan pengamal media di seluruh Kelantan,” katanya.

Beliau berpendapat, anugerah tersebut membuktikan karya kewartawanan yang mengangkat isu kemanusiaan dan kehidupan golongan rentan masih mendapat tempat dalam kalangan masyarakat serta panel penilai.

Tambahnya, antara penambahbaikan yang boleh dipertimbangkan pada masa akan datang ialah memperbanyakkan kategori anugerah bagi memberi peluang kepada lebih ramai pengamal media untuk diketengahkan.

“Anugerah ini juga dicadangkan dibuka kepada seluruh pengamal media di Kelantan, termasuk petugas media di bawah kerajaan negeri, sekali gus dapat mewujudkan persaingan yang lebih sihat serta meningkatkan kualiti dan profesionalisme dalam kalangan pengamal media,” sarannya.

Ketiga-tiga pemenang utama berkenaan berkata demikian ketika dihubungi, hari ini.

Tahun Baharu Hijrah 1448H titik muhasabah, perbaharui tekad

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 17Jun – Kedatangan Tahun Baharu Hijrah 1448H wajar dijadikan sebagai titik muhasabah untuk memperbaiki diri, memperkukuhkan iman, meningkatkan amal soleh serta memperbaharui tekad dalam berkhidmat kepada agama, masyarakat dan negeri.

Demikian kata Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi, YB Dato' Wan Roslan Wan Hamat.

Menurutnya, peristiwa hijrah Rasulullah SAW adalah lambang perubahan, pengorbanan, kesabaran dan ketaatan yang membawa kepada kejayaan umat Islam.

Beliau berkata, semangat hi-



jarah perlu dihayati oleh seluruh umat Islam dalam usaha melakukan perubahan ke arah kehidupan yang lebih baik dan diredai Allah SWT.

“Sesungguhnya Allah tidak akan mengubah keadaan sesuatu kaum sehingga mereka mengubah keadaan yang ada pada diri mereka sendiri,” katanya menerusi media

sosial, pada Selasa.

Dalil tersebut dirujuk dalam Surah Ar-Ra'd ayat 11.

Tambahnya, kedatangan tahun baharu Hijrah perlu dimanfaatkan sebagai ruang untuk menilai diri serta memperkukuhkan komitmen dalam melaksanakan tanggungjawab kepada agama dan masyarakat.

Beliau turut mendoakan agar Tahun Baharu Hijrah 1448H membawa keberkatan, kesejahteraan dan rahmat kepada seluruh rakyat Kelantan khususnya serta umat Islam amnya.

“Semoga kita semua terus istiqamah berhijrah ke arah kehidupan yang lebih diredai Allah SWT,” katanya.

Mudir Pondok Gelang Mas dinobatkan Tokoh Hijratul Rasul Kelantan 1448H

Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 17 Jun – Mudir Madrasah Yusufiah Pondok Banggol Naim Gelang Mas, Tuan Guru Haji Awang Yusuf, 77, dinobatkan sebagai Tokoh Hijratul Rasul Peringkat Negeri Kelantan 1448 Hijrah.

Majlis pengurniaan anugerah disempurnakan oleh Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Kelantan Tengku Muhammad Fakhry Petra ibni Almarhum Sultan Ismail Petra dalam majlis yang berlangsung di Masjid Jamek Al-Sultan Ismail Petra, Kubang Kerian, malam tadi.

Sebagai penerima anugerah tertinggi itu, beliau menerima wang tunai RM10,000, plak serta sijil penghargaan.

Tuan Guru Haji Awang dilahirkan di Kampung Gelang Mas, Pasir Mas dan mula menuntut ilmu agama seawal usia 10 tahun di Madrasah Ahmadiyah, Pondok Kampung Apa-Apa sebelum menyambung pengajian di Madrasah Al-Bakriyah, Pondok Pasir Tumboh.

Kesungguhan, ketekunan dan kecintaan beliau terhadap ilmu membolehkan beliau mendalami pelbagai cabang ilmu agama di bawah bimbingan ulama di Kelantan sebelum mengabdikan kehidupannya untuk mendidik masyarakat serta memperkasakan syiar



Islam.

Beliau mendirikan rumah tangga dengan Hasanah Hassan yang sentiasa menjadi pendamping dan pendokong kuat dalam perjuangan dakwah serta pendidikan Islam.

Ketokohan beliau mula terserlah apabila diberi kepercayaan menggantikan gurunya menyampaikan ilmu agama di Pondok Pasir Tumboh ketika masih dalam tempoh pengajian.

Hasil sokongan dan keyakinan para guru terhadap kemampuan beliau, Madrasah Ad-Diniyyah Al-Yusufiyah diasaskan pada tahun 1987 ketika beliau berusia 38 tahun.

Selain memimpin institusi pondok, beliau turut memainkan peranan penting dalam pembangunan pendidikan Islam di negeri ini

apabila dilantik sebagai Timbalan Pengerusi Pusat Pengajian Pondok sejak tahun 2015 hingga kini.

Kepimpinan beliau disifatkan membantu memperkukuhkan jaringan institusi pondok serta memperkasakan sistem pendidikan Islam di Kelantan.

Sebagai pengiktirafan terhadap jasa dan sumbangannya, beliau pernah menerima Anugerah Tokoh Pondok 1438H sempena Himpunan Pendidik Islam 2017.

Keperibadian yang tawaduk, istiqamah dalam menyampaikan ilmu serta komitmen berterusan dalam memartabatkan pendidikan Islam menjadikan beliau contoh teladan kepada masyarakat.

Pemilihan beliau sebagai Tokoh Hijratul Rasul Kelantan 1448H adalah sebagai menghargai jasa, pengorbanan dan sumbangan besar

yang dicurahkan kepada agama, bangsa dan negeri.

Untuk rekod, anugerah Tokoh Hijratul Rasul diberikan kepada individu yang menunjukkan pengorbanan dan kesungguhan berterusan dalam memartabatkan agama Islam serta membangunkan masyarakat selaras dengan semangat Hijrah Rasulullah SAW.

Pada majlis sama, turut disampaikan beberapa anugerah lain termasuk Anugerah Tokoh Usahawan Daei, Anugerah Tokoh Saudara Kita, Anugerah Jajahan Cemerlang, Anugerah Pondok Harapan, Anugerah Pondok Kreatif, Anugerah Tanah Perkuburan Islam Terbaik serta anugerah kepada sekolah dan pelajar terbaik daripada Yayasan Islam Kelantan dan sekolah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia di Kelantan.



Dato' Siti Zailah dan Dato' Rohani salur bantuan awal kepada mangsa kebakaran Kampung Lubok Stol

Oleh: Syamimi Manah

RANTAU PANJANG, 18 Jun – Ahli Parlimen Rantau Panjang YB Dato' Siti Zailah Mohd Yusof dan Exco Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita YB Dato' Rohani Ibrahim menyalurkan bantuan awal kepada mangsa kebakaran di Kampung Lubok Stol, di sini sebagai tanda keprihatinan terhadap keluarga yang terjejas akibat musibah tersebut.

Sehubungan itu, Dato' Rohani berkata, lawatan ziarah itu turut bertujuan meninjau sendiri keadaan mangsa serta mengenal pasti keperluan segera yang diperlukan bagi membantu mereka meneruskan kehidupan selepas kehilangan tempat tinggal.

Sebelum lawatan bersama Exco Kebajikan itu, Dato' Siti Zailah telah turun menziarahi mangsa pada sebelah pagi 15 Jun lalu bagi menyampaikan sumbangan wang ringgit serta meninjau sendiri keadaan keluarga yang terlibat serta menyelaras



keperluan bantuan segera susulan kejadian tersebut.

Kebakaran yang berlaku pada 13 Jun lalu kira-kira pukul 11.45 malam itu melibatkan dua buah rumah yang musnah sepenuhnya manakala sebuah lagi mengalami kerosakan sekitar 30 peratus.

Menurut Dato' Rohani, beliau hadir bersama rombongan yang turut diiringi Pengarah Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita (U-KeKWa), Ilvira Mohd Dasuki bagi memastikan kebajikan mangsa terus diberi perhatian selain menyampaikan bantuan segera ke-

pada keluarga yang terlibat.

"Kami hadir bagi meninjau sendiri keadaan mangsa serta menyampaikan sumbangan bantuan awal agar dapat membantu meringankan beban keluarga yang terkesan akibat musibah ini," katanya di laman rasmi, pada Isnin.

Beliau berkata, seorang mangsa iaitu Muhammad Izuddin Che Razali, 31, mengalami kecederaan melecur pada bahagian kaki dan telah menerima rawatan di Hospital Lati.

"Semoga mangsa dan keluarga yang terlibat terus diberikan



kekuatan, kesabaran serta dipermudahkan segala urusan dalam menghadapi ujian ini," ujarnya.

Selain rumah kediaman, sebuah kereta jenis Proton Waja turut musnah dalam kebakaran tersebut.

Walau bagaimanapun, tiada kemalangan jiwa dilaporkan dan punca kejadian masih dalam siasatan pihak bomba.

Dato' Rohani berharap bantuan yang disalurkan dapat memberi sedikit kelegaan kepada mangsa sementara menunggu proses pemulihan serta bantuan susulan daripada agensi dan pihak berkaitan.

10 calon SPM, STAM DUN Kemahang terima bantuan tablet



Oleh: Syamimi Manah

TANAH MERAH, 18 Jun – Sebanyak 10 pelajar yang bakal menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) di DUN Kemahang menerima sumbangan tablet pada majlis penyampaian yang diadakan di kediaman Ahli Dewan Negeri (ADN) Kemahang YB Mejar (B) Dato' Md Anizam Ab Rahman, semalam.

YB Mejar (B) Dato' Md Anizam berkata, penerima bantuan terdiri daripada pelajar cemerlang serta

pelajar daripada keluarga kurang berkemampuan yang telah dikenal pasti dan dicadangkan oleh pihak sekolah sebelum melalui proses semakan bagi memastikan bantuan disalurkan kepada mereka yang benar-benar layak.

Menurutnya, sumbangan tersebut merupakan antara inisiatif yang dilaksanakan bagi meningkatkan akses pendidikan dalam kalangan pelajar, khususnya dalam era digital yang memerlukan penggunaan teknologi sebagai medium pembelajaran utama.

"Kemudahan tablet ini diha-



ran dapat membantu pelajar mendapatkan bahan pembelajaran, membuat ulang kaji dan mengikuti pelbagai aktiviti akademik dengan lebih mudah serta berkesan," katanya di laman rasmi, semalam.

Beliau berkata, kebanyakan penerima pada tahun ini merupakan pelajar yang sedang membuat persiapan menghadapi peperiksaan penting seperti SPM dan STAM, sekali gus memerlukan kemudahan pembelajaran yang lebih kondusif dan sesuai dengan keperluan semasa.

"Dengan adanya kemudahan ini,

saya berharap para pelajar dapat memanfaatkan teknologi yang ada untuk meningkatkan prestasi akademik dan mencapai keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan yang bakal diduduki," ujarnya.

Tambahnya, pendidikan merupakan pelaburan jangka panjang yang mampu mengubah masa depan seseorang, justeru usaha membantu pelajar mendapatkan kemudahan pembelajaran yang lebih baik akan terus diberi perhatian.

Beliau yang juga merupakan Exco Kerajaan Negeri Kelantan turut berharap sumbangan yang disampaikan dapat dimanfaatkan sebaik mungkin oleh para penerima sebagai alat untuk menimba ilmu, memperluas pengetahuan serta membina masa depan yang lebih cerah.

"Semoga usaha ini menjadi pemangkin kepada kejayaan yang lebih besar dan memberi manfaat berpanjangan kepada para pelajar serta keluarga mereka," katanya.

Tok guru pondok diharap terus bimbing kerajaan negeri laksana ajaran Islam - MB Kelantan

Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 18 Jun — Kerajaan Negeri Kelantan berharap tok guru pondok terus memainkan peranan sebagai rakan strategik dalam memberi pandangan, nasihat dan teguran membina bagi memastikan ajaran Islam dapat diterjemahkan secara menyeluruh dalam pentadbiran serta kehidupan masyarakat.

Menteri Besar YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud berkata, pandangan daripada institusi pondok amat penting kerana kerajaan berhasrat melaksanakan ilmu yang diajar di pondok-pondok dalam dasar dan pentadbiran negeri.

"Kita mahu tok guru pondok memberi pandangan kepada kerajaan kerana kita hendak melaksanakan ilmu yang diajar di pondok-pondok ini.

"Pihak kerajaan sedia menerima segala pandangan dan kritikan yang membina. Kita hendak menjaga kerajaan yang kita bentuk atas dasar Islam," katanya ketika berucap pada Program Ziarah Mahabbah Pondok Kelantan 2026 di Madrasah Diniyah, Pondok Pasir Tumboh, di sini,



semalam.

Beliau berkata, hubungan erat antara kerajaan dan institusi pondok perlu terus diperkasakan bagi memastikan agenda pembangunan negeri sentiasa berpaksikan nilai serta prinsip Islam.

Menurutnya, Kelantan kini berada pada fasa Penghayatan Membangun Bersama Islam yang menumpukan aspek pelaksanaan dan pengamalan, bukan sekadar peringkat dasar.

"Kita telah sampai kepada peringkat Penghayatan Membangun Bersama Islam. Maksudnya penghayatan ini adalah kita di peringkat pelaksanaan, bukan lagi di peringkat dasar.

"Pemimpin kerajaan perlu melaksanakan ajaran Islam, pegawai

kerajaan melaksanakan tuntutan Islam dan rakyat di negeri Kelantan juga melaksanakan tuntutan Islam," jelasnya.

Beliau optimis pendekatan tersebut semakin mendapat perhatian dan penerimaan masyarakat di seluruh negara, sekali gus membuktikan bahawa pembangunan berteraskan Islam mampu dilaksanakan secara menyeluruh.

Dalam pada itu, beliau menyeru pelajar pondok agar menuntut ilmu dengan bersungguh-sungguh dan meletakkan cita-cita yang tinggi dalam bidang pendidikan Islam.

Katanya, generasi muda perlu berazam menjadi pewaris institusi pondok yang mampu menyumbang kepada perkembangan ilmu serta pembangunan masyarakat pada

masa hadapan.

"Yang belajar di pondok ini hendaklah meletakkan tekad belajar hingga dapat membuka pondok. Soal boleh atau tidak, kita serahkan kepada Allah, tetapi cita-cita itu hendaklah tinggi," tegasnya.

Beliau turut mengimbau pesanan generasi terdahulu yang sentiasa menekankan kepentingan menuntut ilmu sehingga menjadi alim dan mampu memberi manfaat kepada keluarga, masyarakat serta negara.

Menurutnya, semangat tersebut perlu terus disemai bagi memastikan institusi pondok kekal menjadi benteng ilmu, melahirkan ulama dan pendakwah yang dapat membimbing masyarakat serta menyumbang kepada pembangunan negeri dan ummah.

YB Mohd Asri seru rakyat jadikan 1448 Hijrah medan perbanyak amal kebaikan



Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 18 Jun — Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta YB Mohd Asri Mat Daud menyeru masyarakat menjadikan tahun baharu 1448 Hijrah sebagai titik permulaan untuk memperbanyakkan amalan kebaikan dan perkara yang bermanfaat demi membina kehidupan yang lebih sejahtera, harmoni dan bersatu padu.

Beliau berkata, azam untuk melakukan sebanyak mungkin kebaikan kepada diri sendiri, keluar-

ga, masyarakat, negeri dan negara mampu menjadi kunci kepada pembentukan komuniti yang kukuh serta saling menyokong antara satu sama lain.

"Ini kunci kepada hidup sejahtera dan harmoni seterusnya membuahkan perpaduan yang utuh dalam masyarakat," katanya menerusi media sosial, pada Rabu.

Terdahulu, beliau yang juga Ahli Dewan Negeri (ADN) Demit merasmikan Karnival Demit Sepakat (Karnival Riang Ria Komuniti dan Cakna Rakyat) yang berlangsung di perkarangan Pasar Tok Kenali, Bin-

jai, semalam.

Dalam pada itu, YB Mohd Asri turut menegaskan bahawa semangat tolong-menolong dan kesepakan dalam komuniti perlu terus diperkukuhkan dengan menjadikan hubungan kejiwaan seperti sebuah keluarga yang sentiasa bersedia menghulurkan bantuan mengikut kemampuan masing-masing.

Menurutnya, masyarakat tidak seharusnya terlalu bergantung kepada pihak tertentu untuk menyelesaikan setiap masalah kecil yang berlaku dalam komuniti sekiranya ia mampu ditangani melalui ker-

jasama sesama jiran.

"Jika jiran sebelah rumah kehabisan gula dan kita mempunyai tiga kilogram gula, tidak perlu mengangkat permohonan kepada penghulu atau wakil rakyat, apatah lagi mengkritik mereka kerana lambat menghantar gula kepada rakyat.

"Sebaliknya, berilah kepadanya satu kilogram kerana ia dalam kemampuan kita dan menjadi sedekah yang diharapkan ganjarannya di sisi Allah," jelasnya.

Beliau juga mengingatkan, nilai keprihatinan dan sikap saling membantu perlu terus disuburkan dalam kehidupan bermasyarakat bagi mewujudkan suasana yang lebih harmoni serta memperkukuh hubungan sesama anggota komuniti.

Karnival yang berlangsung dari pagi hingga petang itu diadakan di bawah seliaan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Majlis Perbandaran Kota Bharu-Bandar Raya Islam (MPKB-BRI) dan Pusat Khidmat DUN Demit.

Anugerah Media Kelantan 2025 nobat 27 karya terbaik, Media Prima unggul sembilan anugerah



Oleh: Norzana Razaly

KOTA BHARU, 13 Jun – Kerajaan Negeri Kelantan melalui portfolio Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta yang diterajui Exco YB Mohd Asri Mat Daud, menzahirkan penghargaan kepada pengamal media di Pantai Timur menerusi penganjuran Anugerah Media Kelantan (AMK) 2025 sempena sambutan Hari Wartawan Nasional (HAWANA).

Bertemakan “Media Berintegriti, Teras Kredibiliti”, penganjuran julung kali itu menjadi perintis sambutan HAWANA di peringkat negeri sebagai pengiktirafan terhadap sumbangan wartawan, editor, jurugambar, jurukamera, penerbit dan penyampai radio dalam menyampaikan maklumat yang tepat, berwibawa serta beretika kepada masyarakat.

Sebanyak 91 pencalonan diterima sepanjang tempoh penyertaan dari 10 hingga 14 Mei lalu untuk bersaing dalam sembilan kategori yang merangkumi bidang akhbar, televisyen, fotografi dan radio.

Kategori yang dipertandingkan ialah Berita Akhbar Bahasa Melayu Terbaik, Laporan Khas Akhbar Bahasa Melayu Terbaik, Berita Akhbar Bukan Bahasa Melayu Terbaik, Berita TV Terbaik, Laporan Khas TV Terbaik, Visual TV Terbaik, Gambar Berita Terbaik, Penyampai Radio Kerajaan Terbaik dan Penyampai Radio Swasta Terbaik, siaran sepanjang tahun 2025.

Pada majlis berkenaan, Kumpulan Media Prima mengungguli sembilan podium kejuaraan yang diwakili TV3 meraih Tempat Pertama Laporan Khas TV Terbaik, Tempat Ketiga Laporan Khas TV Terbaik dan Tempat Ketiga Visual TV Terbaik.

Sementara NSTP pula mengungguli Johan Berita Akhbar Bahasa Melayu Terbaik (Harian Metro), Naib Johan Berita Akhbar Bukan Bahasa Melayu Terbaik (New Straits Times) dan Naib Johan Gambar Berita Terbaik (NSTP) serta Tempat Ketiga Laporan Khas Akhbar Bahasa Melayu Terbaik (Berita Harian).

Manakala Media Prima Audio (Molek FM) menggondol Naib Johan Penyampai Radio

Swasta Terbaik dan Tempat Ketiga Penyampai Radio Swasta Terbaik.

Berikut adalah senarai penuh pemenang mengikut kategori yang menerima hadiah daripada Menteri Besar Kelantan YAB Dato’ Panglima Perang Ustaz Dato’ Mohd Nassuruddin Daud di sebuah hotel, di sini, hari ini.

Bagi kategori Berita Akhbar Bahasa Melayu Terbaik, tempat pertama dimenangi Hazira Ahmad Zaidi dari Harian Metro menerusi karya bertajuk Kusta Bukan Sumpahan. Tempat kedua diraih Muhammad Afiq Mohd Asri dari Bernama menerusi laporan Strok Bukan Noktah: Azli Bangkit Kembali Bersama RTW PERKESO, manakala tempat ketiga dimenangi Habsah Ismail dari Bernama melalui karya Bola Mata Palsu: HPUSM Kembalikan Keyakinan Pesakit Kehilangan Mata.

Kategori Berita Akhbar Bukan Bahasa Melayu Terbaik pula menyaksikan Lau Siok Cheng dari The China Press Bhd muncul juara menerusi karya Budaya Warisan Peranakan Cina Kelantan: Melestarikan Keaslian Nasi Kerabu/Kaw Jam. Tempat kedua dimenangi Sharifah Mahsinah Syed Abdullah dari New Straits Times melalui laporan Gold Rush in Kelantan as Global Prices Soar, manakala tempat ketiga diraih Lim Hui Ching dari Nanyang Siang Pau Sdn. Bhd. menerusi karya 宿舍温暖如家 学生共筑心灵避风港 (Dormitory Warm as Home, Students Build a Spiritual Haven Together).

Bagi kategori Penyampai Radio Kerajaan Terbaik, tempat pertama dimenangi Suhaila Mat Daud dari Jabatan Penyiaran Negeri Kelantan menerusi siaran Kelantan Diiktiraf Negeri Mampun 2025. Tempat kedua disandang Mohammad Azidi Abdullah dari Jabatan Penyiaran Negeri Kelantan menerusi siaran Destinasi Pelancongan Kelantan (Pulau Suri), manakala tempat ketiga menjadi milik Nor Shazleza Shahrul melalui siaran Kebersihan Pilihan Utama.

Sementara itu, kategori Penyampai Radio Swasta Terbaik dimenangi Fazlisham Mat Hussin (Issey) dari Astro Radio menerusi siaran Banjir Kelantan Peringatan. Tempat kedua diraih Nazrin Nordin dari Media Prima Audio (Molek FM) melalui siaran Perpaduan di Kelantan, manakala tempat ketiga dimenangi Wan Nur Aqilah Shahirah Wan Lokman dari Media Prima Audio (Molek FM) menerusi siaran Ore Kito Tok Lupo Asal Usul.

Bagi kategori Berita TV Terbaik, tempat pertama dimenangi oleh Muhammad Rofiqiainan Mohd Rosid dari Malaysia Gazette menerusi karya bertajuk Redah Lautan Banjir Hantar Bantuan Makanan di Tumpat. Tempat kedua disandang Muhammad Ameerul Hafiz Mohd Rosli daripada RTM Kelantan menerusi karya Bomba Wira Merah, manakala tempat ketiga dimenangi Ahmad Faris Abdul Halim dari Berna-

ma melalui laporan Pil Kuda Disorok dalam Najis Lembu, Enam Warga Tempatan Ditahan.

Kategori Laporan Khas TV Terbaik pula menyaksikan Siti Nor Akmaliah Razak dari TV3 muncul juara menerusi laporan Asap Tebal, Bau Busuk Hantui Penduduk Gua Musang. Tempat kedua dimenangi Nik Nur Zakia Abdullah dari IMEDIKEL TV menerusi karya Pemutihan Gigi dengan Selamat dan Berkesan, manakala tempat ketiga menjadi milik Shahnun Hanif Abdullah Suhaimi dari TV3 melalui laporan Tengkolok Khas Kelantan: Keistimewaan Getam Budu Tanjak Rasmi Sultan.

Bagi kategori Laporan Khas Akhbar Bahasa Melayu Terbaik, tempat pertama diraih Hazelen Liana Kamarudin dari Sinar Harian menerusi karya Bina Benteng atau Gali Terusan?. Tempat kedua dimenangi Muhammad Afiq Mohd Asri dari Bernama melalui laporan Sempadan Kelantan-Thailand: Ancaman Dalam, Cabaran Geografi dan Tuntutan Kuasa Maritim, manakala tempat ketiga menjadi milik Nor Fazlina Abd Rahim dari Berita Harian menerusi karya 15 Pangkalan Haram di Sungai Golok Masih Jadi Laluan Seludup Dadah.

Dalam kategori Gambar Berita Terbaik, Muhammad Mustaqim Khairuddin dari Bernama dinobatkan sebagai pemenang menerusi foto Selamatkan Lembu Dari Banjir. Tempat kedua dimenangi Nik Abdullah Nik Omar dari NSTP menerusi foto 22 Perahu Naik Darat, manakala tempat ketiga diraih Kamarul Bismi Kamaruzaman dari Utusan Malaysia melalui karya Ibu Bapa Jangan Risau, Pelajar UMK Terjejas Banjir Dijaga.

Sementara itu, kategori Visual TV Terbaik dimenangi Mohd Azli Yusoff dari RTM menerusi karya Desa Gemalai Destinasi Wajib Di-kunjungi Buat Pencinta Alam. Tempat kedua disandang Amaran Ab Rahman dari RTM menerusi karya Kursus Pemanduan Lasak Pacuan Empat Roda UMK Sukan Lasak, manakala tempat ketiga menjadi milik Nik Amir Hamzah Mohd Rapendi dari TV3 melalui visual Seni Kraf Sulaman Kelingkan Berdepan Kepupusan.

Strata pencapaian kumulatif tertinggi, Kumpulan Media Prima mengungguli AMK 2025 dengan sembilan kedudukan podium menerusi kejayaan TV3, NSTP dan Media Prima Audio, manakala RTM/Jabatan Penyiaran Malaysia meraih enam podium dan Bernama memperoleh lima podium.

Setiap pemenang tempat pertama menerima wang tunai RM1,000 berserta sijil penghargaan, manakala pemenang tempat kedua menerima RM700 dan tempat ketiga menerima RM300, masing-masing bersama sijil penghargaan.

Penjurian AMK 2025 dilaksanakan oleh barisan juri profesional yang terdiri daripada

gabungan ahli akademik dan pemain industri media, diketuai sarjana kewartawanan dari Pusat Pengajian Komunikasi, Universiti Sains Malaysia Prof. Madya Dr. Mohamed Saifudin Mohd Salleh.

Menurutnya, pemilihan pemenang dibuat berdasarkan empat tonggak utama yang membezakan karya baik daripada karya yang layak diangkat sebagai juara.

“Tonggak pertama ialah ketepatan fakta dan kedalaman analisis. Karya yang cemerlang bukan sekadar memetik kenyataan rasmi, tetapi disokong penyelidikan menyeluruh, pelbagai sumber dan bukti yang kukuh.

“Kedua ialah nilai berita, eksklusiviti dan impak. Kami menilai keupayaan wartawan menemukan sudut baharu, membongkar isu yang signifikan serta menghasilkan laporan yang memberi kesan kepada masyarakat dan berpotensi mencetuskan tindakan pihak berkaitan.

“Ketiga ialah kualiti penyampaian. Bagi me-

dia cetak, aspek naratif, struktur penulisan dan penguasaan bahasa diberikan perhatian. Untuk media penyiaran, kualiti vokal, sebutan, kredibiliti penyampaian dan kekuatan penceritaan audio visual menjadi penanda aras utama.

“Bagi kategori fotografi dan visual pula, nilai estetika, komposisi, mutu teknikal serta keupayaan imej menceritakan sesuatu peristiwa secara berdikari tanpa bergantung kepada teks menjadi faktor penting,” jelasnya.



Beliau juga memaklumkan, aspek keempat ialah disiplin dan pematuhan syarat pertandingan yang mencerminkan profesionalisme seseorang pengamal media.

“Sesebuah karya yang hebat sekalipun boleh kehilangan markah sekiranya gagal mematuhi syarat asas pertandingan. Justeru, ketelitian dalam penyediaan bahan dan pematuhan garis panduan merupakan elemen yang turut diberi perhatian,” katanya.



Julung kali penyampai radio diiktiraf, Che Sue rangkul johan AMK 2025



Oleh: Norzana Razaly

KOTA BHARU, 16 Jun – Pengiktirafan buat pertama kali kepada kategori Penyampai Radio dalam Anugerah Media Kelantan (AMK) 2025 membuka lembaran baharu kepada industri penyiaran negeri apabila Suhaila Mat Daud atau lebih dikenali sebagai Che Sue dinobatkan sebagai Pemenang Tempat Pertama kategori Penyampai Radio Kerajaan Terbaik dalam Anugerah Media Kelantan 2025.

Penyampai Jabatan Penyiaran Negeri Kelantan itu menyifatkan penganjuran Hari Wartawan Nasional (HAWANA) Peringkat Negeri Kelantan sebagai satu penghargaan besar kepada seluruh warga media, termasuk golongan penyampai radio yang selama ini berperanan menyampaikan maklumat kepada masyarakat.

Beliau merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Negeri Kelantan atas inisiatif menganjurkan program tersebut yang memberi ruang lebih luas kepada pengamal media untuk menentengahkan hasil kerja masing-masing.

“Ribuan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Kelantan kerana menganjurkan HAWANA Peringkat Negeri Kelantan.

“Kalau sebelum ini HAWANA lebih tertumpu kepada wartawan, kali ini penyampai radio turut diberi peluang untuk bersaing dan menampilkan karya masing-masing.

“Perbezaannya, wartawan mencari berita manakala penyampai radio menyampaikan berita dan maklumat kepada masyarakat. Namun matlamat kami tetap sama iaitu memastikan rakyat menerima maklumat yang tepat dan berman-

faat,” katanya ketika dihubungi, hari ini.

Menurutnya lagi, kerjasama erat antara Kerajaan Negeri Kelantan dan Kelab Media Kelantan berjaya mewujudkan platform yang inklusif kepada semua rakan media sama ada yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam industri komunikasi dan penyiaran.

Tambahnya, pengenalan kategori Penyampai Radio dalam AMK 2025 menjadi pencetus semangat kepada penggiat radio untuk mencabar kemampuan masing-masing dalam menghasilkan kandungan yang berkualiti.

“Apabila dimaklumkan mengenai kewujudan kategori Penyampai Radio, saya rasa terpenggal untuk mencuba menghantar karya.

“Untuk penyertaan pertama ini, saya memilih tajuk Kelantan Diiktiraf Negeri Mampan 2025 dan

Alhamdulillah, karya tersebut dipilih sebagai johan,” ujarinya.

Beliau berharap pengiktirafan seumpama itu diteruskan pada masa hadapan bagi menghargai sumbangan pengamal media penyiaran yang memainkan peranan penting sebagai jambatan komunikasi antara kerajaan dan rakyat.

“Anugerah seperti ini bukan sahaja memberi pengiktirafan kepada pengamal media, malah menjadi suntikan motivasi untuk kami terus meningkatkan mutu penyampaian serta menyampaikan maklumat yang lebih berkualiti kepada masyarakat,” katanya.

Untuk rekod, AMK 2025 merupakan penganjuran julung kali sempena sambutan HAWANA 2026 Peringkat Negeri Kelantan yang menghimpunkan penyertaan daripada pelbagai organisasi media dalam bidang kewartawanan, penyiaran, fotografi dan radio.



Taja sepenuhnya AMK 2025 bukti penghargaan tinggi kerajaan negeri terhadap peranan media

Oleh: Irham Hilmi Hashim

KOTA BHARU, 14 Jun - Penganjuran Anugerah Media Kelantan (AMK) 2025 yang ditaja sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri Kelantan membuktikan penghargaan tertinggi pihak kerajaan negeri terhadap peranan pengamal media dalam menyampaikan maklumat tepat serta membentuk masyarakat yang bermaklumat.

Presiden Kelab Media Kelantan Darul Naim (KEMUDI) Muhammad Yatimin Abdullah berkata, penganjuran anugerah berprestij itu merupakan satu detik bersejarah buat dunia kewartawanan negeri kerana julung kali dilaksanakan dengan tajaan penuh daripada kerajaan negeri.

Menurutnya, sebelum ini anugerah berkenaan dianjurkan menerusi kerjasama syarikat korporat dan sumbangan individu, namun penganjuran kali ini mencerminkan komitmen kerajaan negeri dalam mengiktiraf jasa dan sumbangan pengamal media.

"Ini merupakan satu pengiktirafan yang amat besar kepada seluruh warga media di Kelantan.

"Buat pertama kalinya dalam sejarah penganjuran anugerah ini, kerajaan negeri tampil sebagai penaja penuh dan perkara ini menunjukkan penghormatan yang tinggi terhadap peranan media sebagai institusi penting dalam masyarakat," katanya ketika berucap pada Majlis Sambutan Hari Wartawan Nasional (HAWANA) 2026 Peringkat Negeri Kelantan di sebuah hotel, di sini, semalam.

Beliau berkata, media memainkan peranan penting dalam memastikan masyarakat memperoleh maklumat yang tepat, sahih dan



seimbang, selaras dengan tuntutan agama yang menggesa setiap berita diteliti sebelum disebarkan.

Menurutnya, prinsip tersebut telah ditegaskan oleh Allah SWT menerusi Surah Al-Hujurat ayat keenam yang menyeru umat Islam supaya menyelidiki terlebih dahulu kesahihan sesuatu berita sebelum mempercayai atau menyebarkan.

"Dalam dunia yang dipenuhi lambakan maklumat hari ini, tugas wartawan bukan sekadar melaporkan apa yang berlaku, tetapi memastikan setiap maklumat yang disampaikan kepada masyarakat telah melalui proses semakan dan pengesahan.

"Hakikatnya, Islam telah lama meletakkan asas integriti maklumat dan semakan fakta jauh lebih awal sebelum dunia moden memperkenalkan konsep etika media dan fact-checking," jelasnya.

Muhammad Yatimin memaklumkan, hubungan erat antara pengamal media dan kepimpinan negeri bukanlah sesuatu yang baharu, sebaliknya telah terjalin sejak sekian lama bermula pada era pentadbiran Almarhum Tan Seri Dato' Bentara Setia Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat.

Menurutnya, hubungan tersebut diteruskan pada zaman pentadbiran YB Dato' Bentara Kanan Ahmad Yakob dan kini terus diperkukuhkan di bawah kepimpinan Menteri Besar Kelantan, YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud.

Tambahnya, hubungan baik yang terjalin itu bukan bertujuan menggadaikan prinsip kewartawanan, sebaliknya memastikan saluran komunikasi antara kerajaan dan media sentiasa terbuka demi kepentingan rakyat.

Dalam ucapannya, beliau turut merakamkan penghargaan kepada Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta, YB Mohd Asri Mat Daud yang disifatkan sebagai individu penting dalam memperkukuhkan hubungan antara kerajaan negeri dan pengamal media.

Beliau menerangkan, idea penganjuran sambutan HAWANA peringkat negeri Kelantan juga dicetuskan oleh YB Mohd Asri selepas sambutan tersebut diperkenalkan pada tahun 2018 di peringkat kebangsaan.

"Hubungan erat yang dibina selama ini akhirnya berkembang menjadi satu gerakan besar seh-

ingga membolehkan kita meraikan HAWANA dan Anugerah Media Kelantan dalam suasana yang cukup bermakna seperti hari ini," katanya.

Beliau turut menyentuh cabaran besar yang sedang dihadapi industri media ketika ini susulan perubahan corak penggunaan maklumat masyarakat serta kemerosotan jualan akhbar cetak.

Menurutnya, perkembangan teknologi dan media sosial menyebabkan industri media berdepan tekanan besar, namun kerajaan negeri terus memainkan peranan penting dalam membantu kelangsungan industri tersebut melalui pembelian dan langganan akhbar di jabatan serta agensi kerajaan negeri.

"Dunia kewartawanan sedang berhadapan cabaran yang cukup besar. Namun kita bersyukur kerana kerajaan negeri sentiasa memberi sokongan kepada pengamal media melalui dasar pembelian dan langganan akhbar.

"Diharapkan sokongan ini dapat diteruskan bagi membantu industri media kekal relevan dan terus berkembang," katanya.

Pada majlis sama, kerajaan negeri turut menyampaikan sumbangan khas kepada bekas pengamal media serta pengamal media yang kurang bernasib baik menerusi segmen "Jasamu Dikenang" sebagai tanda penghargaan terhadap jasa dan sumbangan mereka kepada dunia kewartawanan negeri.

Penerima sumbangan tersebut ialah Norhasram Mohamad dari Sinar Harian, Wan Muhammad Wan Adam dari Bernama, Muhammad Mustaqim Khairuddin dari Bernama dan Mohamed Yaacob Derahman dari Harakah.





Tok guru pondok diharap terus bimbing kerajaan negeri laksana ajaran Islam - MB Kelantan

KICW 2026 tarik 20,000 pengunjung

Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 15 Jun - Kelantan International Coffee Week (KICW) 2026 berjaya menarik kehadiran kira-kira 20,000 pengunjung sepanjang empat hari penganjurannya, sekali gus mengukuhkan kedudukan acara itu sebagai antara platform pelancongan dan ekonomi kreatif yang semakin mendapat perhatian di peringkat serantau.

Exco Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan YB Datuk Kamaruddin Md Nor berkata, jumlah kehadiran tersebut melepasi sasaran penganjur dan membuktikan potensi besar industri kopi sebagai tarikan pelancongan berasaskan gaya hidup yang mampu merancakkan ekonomi tempatan.

“Saya difahamkan mengikut anggaran penganjur, sebanyak 20,000 pengunjung hadir sepanjang empat hari program ini berlangsung. Alhamdulillah, jumlah itu berjaya melepasi sasaran dan saya mengucapkan tahniah kepada pihak penganjur,” katanya ketika berucap merasmikan majlis penutup KICW 2026 di Gelanggang Seni, malam tadi.

Program anjuran Border Coffee Carnival Malaysia dengan sokongan Kerajaan Negeri Kelantan melalui Pusat Penerangan Pelancongan Negeri Kelantan (TIC) itu menghimpunkan pengusaha kopi dari Thailand, Vietnam, Brunei serta pelbagai negeri di Malaysia.



Menurutnya, kehadiran peserta dan pengunjung dari dalam serta luar negara membuktikan acara berkenaan berpotensi berkembang sebagai produk pelancongan khusus yang mampu menarik lebih ramai pelawat ke Kelantan pada masa hadapan.

“Pengusaha kopi yang hadir datang dari jauh semata-mata untuk menyertai acara ini. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua peserta yang datang dari seluruh negara dan juga dari luar negara,” katanya.

Datuk Kamaruddin berkata, penganjuran KICW juga mencerminkan kepekaan kerajaan negeri dan penganjur terhadap perubahan trend serta gaya hidup masyarakat masa kini yang semakin menggemari budaya minum kopi.

“Sebenarnya, kita sedang mem-

beri respons kepada trend yang berlaku sekarang. Nampaknya telah wujud satu budaya minum kopi, terutamanya dalam kalangan golongan muda. Mereka kini lebih banyak minum kopi berbanding teh.

“Itu tidak mengapa dan tiada masalah. Yang penting ialah peningkatan permintaan terhadap kopi ini turut mewujudkan peluang-peluang perniagaan,” katanya.

Beliau berkata, perkembangan industri kopi turut memberi limpahan ekonomi kepada usahawan tempatan apabila semakin banyak premis dan kedai kopi beroperasi di Kota Bharu serta kawasan sekitarnya.

“Kedai kopi di Kota Bharu tumbuh seperti cendawan selepas hujan dan semuanya mendapat sambutan. Alhamdulillah, ini baik untuk per-

“

Pengusaha kopi yang hadir datang dari jauh semata-mata untuk menyertai acara ini. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua peserta yang datang dari seluruh negara dan juga dari luar negara,”

niagaan,” katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata kerajaan negeri berbangga menjadi tuan rumah kepada KICW dan berhasrat meneruskan penganjurannya pada masa hadapan sebagai antara acara pelancongan tahunan negeri.

Selain itu, kerajaan negeri turut merancang untuk menganjurkan program khas berkaitan teh bagi memberi ruang kepada penggemar minuman tersebut serta memperluaskan lagi segmen pelancongan berasaskan gastronomi dan gaya hidup.

Turut hadir, Ahli Dewan Negeri (ADN) Bunut Payung YB Shaari Mat Yaman, ADN Gual Ipoh YB Zahari Mohamad Nor, ADN Paloh YB Dato’ Shaari Mat Hussain dan Pengarah TIC Azwan Abdul Rahman.

